

ORANG THAI DI SIMPANG EMPAT : SATU KAJIAN
MENGENAI IDENTITI DAN HUBUNGAN ETNIK DI PERKAMPUNGAN
THAI DI SIMPANG EMPAT, BALING, KEDAH

OLEH

CHANTHIRA KUNTHONG

NO. MATRIK 054699

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESI 1990/91

PENGHARGAAN

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Tan Chee Beng yang telah mengorbankan masa dalam memberikan segala pandangan dan tunjuk ajar dalam menyelesaikan latihan ilmiah ini.

Di samping itu, ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya yang telah memberi bantuan kewangan kepada saya dalam menjalankan latihan ilmiah ini di bawah projek kajian hubungan etnik.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada seluruh penduduk Kampung Simpang Empat yang telah sudi menerima dan memberikan kerjasama semasa kajian ini dijalankan. Khasnya ditujukan kepada Na Op Na Din, Ta, Lit, Na Na, Cula dan juga kepada sepupu-sepupu saya. Buat Phi Lam, terima kasih diucapkan kerana sudi memberikan panduan dan sokongan.

Penghargaan ini tidak saya lupakan kepada kakitangan Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Penerangan dan Pejabat Pendidikan Baling, Kedah yang telah sudi meluangkan masa memberikan maklumat dan kerjasama kepada saya semasa menjalankan ini.

Kepada keluarga saya bapa (Pho) dan emak (Me), adik-adik saya Suk, Ed dan Id ribuan terima kasih yang tidak terhingga dapat kuucapkan. Juga kepada Michael yang telah banyak memberi bantuan dan sokongan moral kepada saya dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. 'Kalian sentiasa dalam ingatan'.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi dorongan serta kritikan yang membina dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Chanthira Kunthong
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
2.1.91

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini adalah merupakan satu kajian tentang identiti orang-orang Thai dan perhubungan etnik di Kampung Simpang Empat, Baling, Kedah. Tujuan penting kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah orang-orang Thai dapat mengekalkan identiti mereka yang terdiri daripada faktor agama, bahasa dan sosial dan juga mengkaji tentang pola-pola perhubungan serta interaksi di antara kumpulan-kumpulan etnik di Kampung Simpang Empat.

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Dalam bab pertama dibincangkan tentang tujuan dan bidang kajian. Kaedah penyelidikan yang digunakan, dan beberapa masalah yang timbul semasa menjalankan kajian.

Bab kedua pula membincangkan latar belakang tempat dan penduduk yang dikaji. Perbincangan adalah ditumpukan kepada penyibaran penduduk, sejarah tempat yang dikaji dan responden, pekerjaan, pendapatan serta organisasi sosial.

Bab ketiga membincangkan mengenai identiti orang-orang Thai dari segi agama, bahasa dan struktur keluarga. Seterusnya bab ini juga melihat sejauh manakah mereka masih mempertahankan identiti kebudayaan mereka dan salah satu daripada identiti yang masih dikekalkan oleh orang-orang Thai

adalah masuk sami. Bab ini juga membicarakan kepercayaan-kepercayaan terhadap penunggu, upacara masuk sami dan juga tujuan masuk sami.

Bab keempat membuat analisa tentang bentuk perhubungan etnik yang ditinjau dari segi hubungan etnik yang ujud di dalam kampung dan di antara kampung-kampung Siam yang lain dan juga perhubungan etnik di antara orang-orang Thai dengan kaum-kaum yang lain. Bab ini juga membicarakan mengenai bentuk-bentuk perhubungan etnik yang ujud dari segi ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Akhir sekali dalam bab kelima telah diberikan analisa dan kesimpulan tentang identiti orang-orang Thai dan perhubungan etnik di Kampung Simpang Empat ini.

KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Kandungan	v
Senarai Peta	vii
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Tujuan Kajian	1
1.1 Kaedah Penyelidikan	6
1.2 Masalah Kajian	12
BAB 2 LATARBELAKANG FIZIKAL DAN POPULASI PENDUDUK	
2.0 Orang Thai di Kedah	16
2.1 Sejarah Orang Thai di Baling	19
2.2 Baling dan Aspek-aspek Sosial orang Thai	25
2.2.1 Organisasi Sosial.	26
2.3 Penyibaran Penduduk dan Pola Petempatan	29
2.4 Sejarah Orang-orang Thai di Simpang Empat	31
2.4.1 Pentadbiran	33
2.4.2 Ekonomi	33

BAB 3	IDENTITI THAI	
3.0	Kepercayaan dan Buddhisme dalam Komuniti Thai ...	36
3.1	Prinsip-prinsip Buddhism.	38
3.1.1	Kepercayaan-kepercayaan lain	47
3.1.2	Institusi Wat ...	48
3.1.3	Masuk Sami (<u>Buad Nag</u>)	52
3.1.4	Tujuan Masuk Sami.	53
3.2	Struktur Bahasa	58
3.3	Struktur Keluarga ...	62
BAB 4	HUBUNGAN ETNIK DAN PEMBENTUKANNYA DI DALAM KOMUNITI SIAM	
4.0	Hubungan etnik di dalam Kampung dan di antara kampung-kampung Siam yang lalu	70
4.1	Hubungan etnik di antara komuniti Siam dengan Masyarakat Melayu dan Cina	76
4.2	Hubungan etnik di antara komuniti Siam dengan kaum-kaum yang lain	88
BAB 5	KESIMPULAN	91

SENARAI JADUAL :

JADUAL 1	17
JADUAL 2	18
JADUAL 3	19

SENARAI PETA :

PETA 1 : PETA DAERAH BALING	...	viii
PETA 2 : PETA LAKAR DAERAH BALING...	...	ix

SENARAI GAMBAR	103
LAMPIRAN 1	108
LAMPIRAN 2	109
LAMPIRAN 3	110
LAMPIRAN 4	111
BIBLIOGRAFI	112

Pengenalan

1.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas kumpulan orang-orang yang berketurunan Thai yang tinggal di Simpang Empat, Baling Kedah iaitu sebuah kampung yang terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Terdapat beberapa kajian yang pernah dilakukan ke atas komuniti Thai sebelum ini tetapi kebanyakan daripada kajian yang dilakukan itu tertumpu di Kelantan yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Di dalam kajian ini akan ditinjau pola-pola kehidupan orang-orang Thai dari segi sosial, ekonomi dan politik kerana daripada pola-pola ini akan dapat membezakan identiti sesuatu kaum dengan kaum yang lain. Pengkaji juga ingin melihat bagaimana orang-orang Thai berinteraksi dengan penduduk yang tinggal di sekeliling mereka yang rata-ratanya terdiri daripada kumpulan etnik Melayu dan Cina. Masyarakat Thai merupakan masyarakat yang tinggal di dalam kelompoknya tersendiri dan biasanya mereka tinggal agak ke kawasan pedalaman serta dikelilingi oleh kelompok yang "dominant" seperti Melayu dan Cina. Oleh itu pengkaji ingin melihat bagaimanakah orang-orang Thai dapat menyesuaikan diri mereka dengan kaum-kaum lain walaupun mereka mempunyai identiti

mereka sendiri seperti sistem sosial, adat tradisi dan fahaman yang tersendiri. Sebagai satu kelompok minoriti yang tinggal ditengah-tengah kelompok yang lebih besar proses akulturasi, asimilasi dan intergrasi tidak dapat dielakkan oleh mereka. Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat sejauh manakah orang-orang Thai mengekalkan dan mempertahankan identiti kebudayaan, tradisi dan cara hidup mereka.

Seperti yang disebutkan di atas, terdapat beberapa kajian sebelum ini yang telah menggariskan objektif yang hampir sama dengan yang pengkaji ingin utarakan. Louis Golomb di dalam bukunya yang bertajuk *Brokers of Morality: Thai Ethnic Adaptation In a Rural Malaysian Setting* telah memberi penjelasan mengenai hubungan etnik masyarakat Thai di Kelantan dengan komuniti-komuniti lain yang wujud di sekitarnya seperti Melayu, Cina dan India. Di dalam buku itu, beliau membincangkan mengenai integrasi dan asimilasi masyarakat keturunan Thai dengan masyarakat Melayu dan Cina dari segi bahasa, adat resam, pakaian dan sebagainya.

Kajian ke atas komuniti Thai juga telah dibuat oleh Mohamad Yusuf Ismail (1980). Beliau mendapati bahawa komuniti Thai tidak menikmati kedudukan yang istimewa dari segi politik, sosial dan ekonomi seperti kumpulan etnik yang lain. Selain daripada itu, komuniti Thai juga dikatakan

menduduki status yang lebih rendah jika dibandingkan dengan kumpulan etnik lain seperti Melayu dan Cina. Penyertaan orang-orang Thai di dalam arena politik adalah secara langsung sahaja dan tidak menyeluruh seperti komuniti etnik yang lain.

Roger Kershaw telah menerbitkan beberapa artikel mengenai masyarakat Thai khususnya di Kelantan. Di dalam artikelnya yang bertajuk "Native But Not Bumiputra" (1969), Kershaw menekankan kepada masyarakat Thai di Kelantan dan hubungannya dengan sosio-politik di Kelantan. Beliau banyak membincangkan mengenai tindakan dan perasaan orang-orang Thai terhadap keanggotaan politik mereka di Malaysia. Perkara-perkara yang berhubung dengan "Enakmen Tanah Simpanan Melayu" dan juga hak mendapatkan kad pengenalan biru bagi masyarakat Thai yang kebanyakannya merupakan penduduk pribumi Tanah Melayu juga disentuh. Perkara berhubung dengan identiti orang-orang Thai di Kelantan yang dikenali sebagai pemelihara babi, perkahwinan campur di antara orang-orang Thai dan Melayu, peristiwa "bersunat" yang dimestikan untuk orang-orang Melayu dan juga peristiwa buad atau masuk sami oleh orang-orang Thai telah dibincangkan oleh Kershaw di dalam artikelnya yang bertajuk "A Note On Some Attitudes of Kelantan Thais" (1979).

Di dalam artikelnya "A Little Drama of Ethnicity" (1932), beliau membicarakan tentang salah satu daripada budaya orang Thai di Kelantan iaitu *mancora*. Kershaw telah menjelaskan tentang asal-usul *mancora* dan bagaimana ia dapat menghiburkan masyarakat Thai, masyarakat Melayu dan masyarakat Cina di Kelantan. Apakah kepentingan dan fungsi *mancora* kepada masyarakat di Kelantan dan apakah ia mendapat pengaruh "ma yong" iaitu salah satu daripada budaya orang Melayu di Kelantan juga di sentuh. Manakala di dalam artikelnya "Towards a Theory of Peranakan Chinese identity in an Outpost of Thai Buddhism" (1981) Kershaw telah memberikan beberapa ciri penting tentang peranakan Cina-Thai di Kelantan dan beliau juga membandingkan peranakan di Thailand dan Indonesia (Peranakan Cina-Indonesia). Antara yang dibincangkan oleh beliau adalah mengenai perkahwinan campuran yang berlaku di antara orang Cina dan Thai, kebudayaan di pihak manakah yang akan diikuti oleh anak-anak orang yang berkahwin campur, dan apakah identiti orang-orang Cina-Peranakan Kelantan dengan berpandukan kepada agama orang-orang Thai di Kelantan iaitu Buddha Theravada.

Di antara kenyataan Kershaw berkenaan dengan identiti Peranakan Cina-Thai di Kelantan adalah seperti berikut:

But since I insist, we are dealing with a Chinese category, whose culture maybe 'dual' but not its identity (nor for peranakan adopt roles as Thais,

associationaly, as in bangkok), and since at the end of the spectrum where the peranakans Chinese identity has long received its revitalization, the ethnic boundary is of its nature far more blurred, peranakan identity must in long term come strongly under presture to converge with the urban east-west Chinese, who cammand some economic power and a little political leverage even in the difficult days of National Front politics and New Economic Policy. (Kershaw 1932:100)

Tidak banyak kajian yang dilakukan ke atas komuniti Thai di Kedah sebagaimana di Kelantan. Virat Din Rat dalam latihan ilmiahnya (1975/76) telah menghuraikan mengenai intergrasi dan assimilasi penduduk Thai di kampung Naka, Kedah. Di dalam kajiannya, beliau telah menunjukkan bagaimana berlakunya proses intergrasi antara penduduk-penduduk Thai di Kampung Naka dengan orang-orang Melayu dan Cina serta bagaimana orang-orang Thai di situ dapat mengekalkan amalan tradisi mereka seperti hiburan yang meliputi mancora dan wayang kulit, amalan ekonomi politik dan sebagainya lagi.

Mohamad Marzuki Ahmad di dalam latihan ilmiahnya (1980/81) telah menghuraikan mengenai intergrasi dan transformasi yang berlaku di Perlis. Di dalam latihan ilmiahnya itu, beliau telah menjelaskan bentuk-bentuk intergrasi yang berlaku di antara penduduk Thai dengan komuniti lain seperti Melayu dan Cina yang tinggal di

sekitarnya. Bentuk-bentuk perhubungan sosial yang diuraikan meliputi ekonomi, sosial dan politi. Beliau juga telah menjelaskan bagaimana berlakunya proses-proses sosial di kalangan komuniti Thai dan setakat manakah orang-orang Thai dapat mengekalkan nilai-nilai dan amalan tradisi mereka.

Berdasarkan kepada beberapa artikel dan buku yang diberikan di atas, nyatalah bahawa tidak banyak kajian ke atas komuniti Thai di bahagian utara Semenanjung Malaysia seperti di Kedah dan Perlis dilakukan. Oleh itu, komuniti Thai di Kedah dan Perlis tidaklah harus dilupakan dan kajian ke atas mereka haruslah dilakukan untuk meninjau pola-pola kehidupan yang merangkumi identiti dan hubungan sosial mereka dengan masyarakat tempatan dengan lebih mendalam lagi.

1.1. KAEDAH PENYELDIKAN

Bagi mendapatkan maklumat dan data-data penting dengan lebih terperinci, pengkaji telah menggunakan method penyertaan dan pemerhatian di Kampung Simpang Empat. Untuk mendapatkan bahan-bahan kajian yang diperlukan, pengkaji telah mengambil masa selama dua bulan bagi menjalankan penyelidikan ini iaitu dari 20-4-90 hingga 20-6-90. Memandangkan pengkaji merupakan orang Thai dan Kampung Simpang Empat merupakan kampung nenek pengkaji, maka pengkaji tidak menghadapi kesukaran dalam mendapatkan tempat tinggal dan bergaul dengan mereka kerana budaya, adat resam dan

bahasa yang sama diamalkan. Walau bagaimanapun pengkaji masih tidak terkecuali daripada menghadapi masalah-masalah sampingan.

Melalui kaedah penyertaan dan pemerhatian ini, pengkaji dapat merasa, menilai dan melihat suatu pandangan dari kacamata pengkaji sendiri tentang aktiviti-aktiviti di kampung khususnya penduduk Thai, kerana secara langsung pengkaji telah disosialisasikan dengan kebudayaan masyarakat yang dikaji. Ini adalah kerana walaupun pengkaji merupakan orang Thai tetapi pengkaji tidak pernah mengambil tahu akan hal-hal yang berlaku di sekeliling pengkaji. Oleh sebab itulah pengkaji telah tinggal di situ secara sistematik kerana melalui ini pengkaji mendapat sedikit gambaran umum tentang adat istiadat orang-orang Thai dan pola perhubungan yang wujud di antara mereka.

Menurut Mohamad Aris Othman terhadap method penyertaan dan pemerhatian ini adalah (1977:21)

The purpose of the observation was to find out, among other things, significant symbols and expressions of apposition. This entailed detailed observation and inquiry into what the informants did in their normal day-to-day interaction and observation of how certain behaviour were adopted in preference to others in terms of the meanings and situational contexts and in terms of the ethnic groups with whom the informants interacted. The approach was also cognitive in the sense

that it made an attempt to ascertain the views of the people about their social environment and how they selected among alternative choices. Their method of approach did help to ascertain how the content of an identity varied and was being utilized and the kinds of situational which conditioned such a variation.

Interaction is considered important as an indicator of ethnic identity.

Di dalam masa dua bulan pengkaji berada di sana, pengkaji telah mengambil bahagian serta melakukan pemerhatian ke atas upacara-upacara kebajikan atau Tham Bun yang diadakan oleh penduduk-penduduk di situ. Salah satu daripada upacara yang pengkaji dapat bersama-sama mengambil bahagian ialah upacara doa dan sembahyang ke atas seorang sami Buddha yang telah meninggal dunia atau sin bun. Sami Buddha itu merupakan seorang yang sangat dihormati bukan sahaja di kalangan orang-orang Thai tetapi juga orang-orang Cina dan Melayu. Menurut beberapa orang penduduk di situ, sami Buddha atau lebih dikenali dengan panggilan Phrakru Wiboun boleh menyembuhkan beberapa penyakit dan ia juga dipercayai dapat menghilangkan selera minum arak bagi orang yang ketagih arak dnegan meminum air yang telah dijampinya. Adalah dijangkakan yang mayat Phrakru Wiboun akan disimpan untuk dua hingga tiga tahun sebelum pembakaran mayatnya diadakan. Bagi orang Thai yang beragama Buddha Theravada, seseorang yang mati akan

dibakar mayatnya kecuali orang-orang yang mati bersalin atau mati kemalangan dan mati sebelum tiba masanya.

Semasa hari kematian dan pembacaan doa, pengkaji dapat melihat hubungan sosial berlaku di antara kumpulan etnik yang berlainan di Wat luar Baling iaitu Wat Palillai di mana orang-orang Cina dan India yang tinggal di kawasan sekitar telah datang bersama-sama untuk bersembahyang dan juga memberi sumbangan yang berupa wang dan beberapa jenis barangan makanan seperti beras, gula, garam, makanan dalam tin dan sebagainya kepada Wat itu.

Walaupun kajian pengkaji adalah tertumpu kepada penduduk di sekitar Simpang Empat, pengkaji juga telah pergi keluar dari Kampung Simpang Empat seperti di sekitar Pekan Baling, Kampung Kok Sira, Kampung Bonggol Ladar dan Batu Tujuh untuk mendapatkan gambaran yang lebih lengkap tentang kehidupan masyarakat di sekelilingnya. Sebagai contohnya, pengkaji telah pergi ke rumah Imam Haji Shahabudin di Pekan Baling untuk mendapatkan keterangan yang lebih jelas tentang kehidupan penduduk di Baling kerana beliau merupakan orang yang telah lama menetap di Baling dan tahu akan asal-usul dan hubungan yang wujud di antara kaum-kaum di situ. Tujuan pengkaji berbuat demikian adalah supaya pengkaji tidak berpihak dan tidak hanya mendengar di sebelah pihak saja. Semasa pengkaji melawat ke Kampung Kok Sira yang terdiri

daripada kumpulan etnik Melayu, Cina dan sedikit Thai serta tinggal berdekatan antara satu sama lain, pengkaji telah diberi layanan yang baik oleh penduduk di situ. Seorang responden pengkaji yang tinggal di situ memberitahu pengkaji bahawa perhubungan mereka di antara kaum yang berlainan adalah baik. Katanya "semasa arwah suami makcik sakit, jiran makcik yang berbangsa Cina lah yang menghantar beliau ke hospital". Pengkaji juga telah melawat ke Kampung Thai yang lain seperti Kampung Naka dan Kampung Kalai semasa perayaan Thod Kathin dan upacara Buad (masuk sami). Dari situ pengkaji dapat melihat amalan-amalan dan adat-adat yang dikekalkan yang dapat membezakan orang-orang Thai daripada kumpulan etnik yang lain. Pengkaji juga dapat melihat hubungan sosial yang wujud di antara orang-orang Thai di kampung tersebut dengan orang-orang Thai dari kampung yang lain dan juga di antara orang Thai dengan orang-orang Cina dan India.

Semasa pengkaji membuat pemerhatian dan penyertaan, pengkaji juga telah menembual beberapa orang penduduk disitu berpandukan kepada beberapa soalan. Semasa menembual soalan yang tidak berstruktur telah pengkaji kemukakan dan responden adalah dipilih secara random. Pengkaji tidak menggunakan soalan yang berstruktur memandangkan kebanyakan dariapda responden tidak faham apa yang pengkaji utarakan. Oleh itu adalah lebih mudah bagi pengkaji untuk bertanya

soalan secara tidak formal berpandukan kepada soalan-soalan yang disediakan terlebih dahulu. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah merangkumi soalan-soalan yang berkaitan dengan pekerjaan, taraf pendidikan, pendapatan, kedudukan milik tanah, upacara-upacara keagamaan yang dijalankan oleh komuniti Thai dan sebagainya lagi. Pengkaji juga telah menemubual "key informant" untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci lagi dan bagi mengesahkan kepada data-data yang dikutip.

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat, pengkaji telah mendapatkan data-data sekunder yang meliputi bahan-bahan cetak seperti artikel dan majalah, akhbar tempatan, sumber cetak kerajaan, kajian ilmiah dan buku-buku yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Maklumat tentang komposisi penduduk, kawasan geografi, serta struktur komuniti didapati dari Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Penerangan, Pejabat Pendidikan dan Muzium Negeri Kedah.

Bagi kajian penyelidikan perpustakaan, pengkaji telah pergi kebeberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Institut Pengajian Tinggi, Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya di mana sebahagian besar daripada masa pengkaji dalam menyaipkan latihan ilmiah dihabiskan di situ.

Selain daripada ketiga-tiga method yang disebut di atas iaitu penyertaan dan pemerhatian, temubual dan penyelidikan perpustakaan, kajian pengkaji tidak akan lengkap tanpa adanya kamera dan perakam kaset. Dengan menggunakan kedua-dua alat tersebut, pengkaji mendapat gambaran yang lebih lengkap tentang sesuatu perkara yang dikaji dan tentang kehidupan masyarakat di situ. Contohnya, di dalam menggunakan alat perakam kaset, pengkaji telah memilih orang yang agar berumur untuk memberi penjelasan tentang sejarah kampung dan budaya yang diwarisi. Dengan menggunakan alat perakam kaset, soal lupa kepada sesuatu peristiwa yang pernah disoal atau titik sempit mencatat tidaklah berlaku. Manakala dengan menggunakan kamera pula, beberapa gambaran yang telah diambil dengan tujuan untuk memberi penjelasan sesuatu peristiwa dengan lebih terperinci.

1.2 MASALAH KAJIAN

Di dalam menjalankan kajian hubungan etnik di Kampung Simpang Empat, pengkaji juga tidak dapat lari daripada menghadapi beberapa masalah terutamanya masalah diri pengkaji yang dianggap sudah tahu akan beberapa perkara oleh penduduk-penduduk di situ. Justeru itu responden bersikap tidak bersungguh-sungguh dalam memberi jawapan atau keterangan. Hal ini pernah dinyatakan oleh Tan Chee Beng

di dalam artikelnya yang bertajuk *Research Experiences Among Chinese Malaysian*. Menurutnya, seorang pengkaji tempatan mengongsi beberapa kebudayaan yang sama dengan penduduk dari tempat yang dikajinya. Oleh itu terdapat beberapa jenis nilai atau budaya yang responden anggap pengkaji sudah tahu. Justeru itu adalah memalukan sekiranya pengkaji bertanya soalan-soalan yang dianggap mengongsi identiti etnik yang sama.

Di samping itu, pengkaji juga menghadapi masalah kesukaran mendapatkan keterangan yang betul. Responden kadang-kadang membuat agakan mengenai tarikh sesuatu peristiwa yang berlaku di kampung dan mengenai jumlah pendapatan mereka. Ada juga di antara mereka yang terlalu berahsia sehingga menjadikan pengkaji teragak-agak untuk mengajukan soalan selanjutnya.

Masalah lain adalah berkaitan dengan masa pengkaji yang terhad di dalam menjalankan kajian di Simpang Empat. Masa yang terhad dalam membuat kajian iaitu selama dua bulan sahaja menyebabkan tidak banyak bahan yang pengkaji dapat kumpul. Ini adalah kerana kajian begini memerlukan lebih banyak masa bagi pengkaji mendalami pengetahuan tentang identiti Thai serta pola-pola kehidupan penduduk di situ. Walaupun pengkaji merupakan orang Thai dan sering datang ke kampung Simpang Empat menziarahi nenek pengkaji, pengkaji

tidak pernah mengambil peduli mengenai kegiatan-kegiatan mereka secara terperinci. Semasa pengkaji berada di situ, tidak banyak aktiviti-aktiviti dan upacara-upacara yang diadakan dan ini membuatkan pengkaji kekurangan maklumat untuk dituliskan. Tambahan pula penyelia pengkaji telah berada di Sabah dan Sarawak selama dua bulan membuatkan pengkaji tidak mempunyai idea untuk membuat kajian. Walau bagaimanapun penyelia pengkaji telah melawat ke kampung pengkaji pada cuti seminggu dalam semester pertama dan ini memberikan idea kepada pengkaji di dalam penulisan latihan ilmiah ini.

Selain daripada itu pengkaji juga menghadapi masalah kesukaran untuk mendapatkan responden memandangkan lapan puluh peratus daripada penduduk-penduduk di Simpang Empat terlibat di dalam kegiatan pertanian seperti bersawah dan menoreh getah. Jadi perjumpaan dilakukan apabila mereka pulang pada waktu tengahari untuk makan tengahari atau pada waktu petang. Oleh itu jawapan yang diberikan oleh mereka adalah secara sepintas lalu sahaja kerana keletihan dan ada juga yang tidak mahu diganggu.

Adalah sukar bagi pengkaji sebagai seorang gadis untuk pergi berbual-bual dengan sekumpulan lelaki ataupun pergi menziarahi rumah orang pada lewat petang. Ini adalah kerana

pengkaji harus tunduk kepada beberapa adat resam orang-orang Thai yang mengkehendaki pengkaji berbuat demikian.

Walaupun masalah-masalah di atas merupakan satu halangan kecil untuk penulis melaksanakan kajian ini tetapi pengkaji mengharapkan agar kajian ini akan sekurang-kurangnya dapat memberi satu gambaran kepada pembaca tentang identiti masyarakat Thai dan hubungan etnik mereka dengan penduduk di sekitarnya di Baling Kedah.

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

BAB 2

LATAR BELAKANG FIZIKAL DAN POPULASI PENDUDUK

2.0 ORANG THAI DI KEDAH

Di beberapa kawasan di negeri Kedah, terdapat beberapa buah kampung yang mempunyai penduduk yang berketurunan Thai, beragama Buddha dan menjadi warganegara Malaysia. Kawasan-kawasan itu biasanya terletak agak ke pedalaman dan berhampiran dengan sempadan ke negara Thai. Terdapat enam daerah di Kedah yang mempunyai penduduk keturunan Thai yang ramai, iaitu Sik, Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap, Kuala Nerang dan Baling.

Baling merupakan daerah yang kedua besar di Kedah selepas Sik. Luasnya adalah 1485.33 km per (590.32 batu per). Jauhnya pekan Baling dari Alur Setar adalah 112 km per (70 batu) manakala jauhnya pekan Baling dari Simpang Empat adalah kira-kira dua kilometer dan terdapat jalanraya yang menghubungkan Simpang Empat dengan Pekan Baling. Letaknya Kampung Simpang Empat adalah di Jalan Kroh iaitu Jalan Ulu Perak. Terdapat kira-kira 150 buah rumah di Baling.

Mengikut perangkaan tahun 1980 (Jabatan Perangkaan Malaysia 1980) terdapat 1544 orang Thai yang tinggal di metropolitan, 952 orang di bandaraya besar, 1867 orang di

bandaraya kecil, 23732 orang di luar bandar yang menjadikan jumlah keseluruhan komuniti Thai di Semenanjung Malaysia, 31,095 orang. Terdapat kira-kira 16,062 orang Thai yang tinggal di Kedah di mana ia melebihi jumlah penduduk keturunan Thai yang lain di Semenanjung Malaysia, 7557 orang di Kelantan, 3,895 orang di Perlis, 1,615 orang di Perak, 802 orang di Pulau Pinang, 422 orang di Terengganu dan selebihnya seramai 840 orang terdapat di Johor, Negeri Sembilan dan Selangor (Lihat Jadual 1).

Jadual 1 : Bilangan Orang Thai Mengikut Negeri

Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Kedah	8,117	7,45	16,062
Kelantan	3,775	3,802	7,557
Perlis	1,906	1,989	3,895
Perak	726	792	1,516
Pulau Pinang	357	446	803
Terengganu	239	183	422

Daerah Baling di bahagikan kepada unit-unit yang lebih kecil lagi iaitu mukim dan terdapat 8 buah mukim iaitu Siang, Bakai, Kupang, Pulai, Teloi Kanan, Tawar, Bongor dan Bayu.

Daripada data yang diperolehi dariapda Pejabat Daerah Baling, terdapat 83,028 orang Melayu (77%), 11608 orang Cina

(10.7%) 11351 orang India (10.5%) 730 orang Thai (1.6%) 136 orang Asli (0.12%) dan lain-lain 73 orang (0.06%) yang menjadikan jumlah penduduk Baling 107,926 orang (Lihat Jadual 2).

Jadual 2 : Bilangan Penduduk Baling Mengikut Kumpulan Etnik

Etnik	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus (%)
Melayu	41,873	41,155	83,028	77%
Cina	6,223	5,385	11,608	10.7%
India	5,913	5,438	11,351	10.5%
Thai	904	826	1,730	1.6%
Orang Asli	74	62	136	0.12%
Lain-lain	51	22	73	0.06%

Sumber : Pejabat Daerah Baling

Di antara beberapa Mukim di Baling yang mempunyai orang Thai adalah Kupang (11 orang penduduk), Pulai 60 orang), Bayu yang terdiri daripada Kampung Wat Luar (40 orang) dan Kampung Simpang Empat (100 orang) yang menjadikan jumlah keseluruhannya 211 orang (lihat Jadual 3).

Jadual 3 : Bilangan Orang Thai di Mukim Baling

Mukim	Kampung	Jumlah Isi rumah
Kupang	Ban Geng	10
Puai	Tass dan Sirako	60
Bayu	Kampung Wat Luar	40
	Simpang Empat	100

Sumber : Bancian Pengkaji

2.1 SEJARAH ORANG THAI DI BALING

Sejarah kedatangan orang-orang Thai ke Semenanjung Malaysia tidaklah diketahui dengan tepat. Menurut Lung Ngai (bekas ketua kampung Baling) besar kemungkinan orang-orang Thai telah bermigrasi pada kira-kira tiga atau empat abad yang lalu. Inggeris pada suatu ketika dahulu telah menggunakan Tanah Melayu dalam usaha mereka untuk mengekalkan kuasa mereka di rantau ini. Dengan termerterainya Perjanjian Bangkok pada 1909, Siam telah mengembalikan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu iaitu yang merupakan negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu kepada Inggeris yang pada ketika itu menjajah Tanah Melayu. Dengan itu rakyat di keempat-empat buah negeri tersebut telah mengalami perubahan kuasa. Penukaran kuasa ini juga turut melibatkan orang-orang Thai yang telah sekian lama menetap di Negeri-negeri Melayu semasa berada di bawah Pemerintahan Siam.

Menurut Kobkua Suwannathat-Pian (1980:33), hubungan di antara Siam dengan Kedah telah bermula sejak tahun 1821 lagi. Menurut Bonney (1971) pula, Kedah telah berhubung dengan Siam dengan menghantar bunga emas dan perak kepada Raja Siam malah menurut Kobkua Suwannathat-Pian lagi, Kedah merupakan salah sebuah negeri yang digelar muang dokmai thong ngen yang bererti "negeri bunga emas dan perak" dalam Bahasa Malaysia. Perhubungan di antara Siam dengan Kedah juga telah disebutkan oleh Wan Yahya bin Wan Mohamad Taib (1405:9) seperti berikut:

Pada Hajarat 1235 bersamaan tarekh masihi 1821 pada 12 haribulan November Kerajaan Siam ada bawak dengan banyak alatan 100 buah perahu masuk di Kuala Kedah dnegan menipu kata handak ambil makanan bawak pergi langgar orang Burma Ketika sudah masuk di dalam Kuala Kedah dilanggar ambil Kota Kuala Kedah itu dnegan berkelahi yang sedikit sudah dapat Kota Kedah di tangan orang Siam dan ditangkap Datuk Bendahara dan Tengku Zamzam ditawan bawak pergi ke Legor.

Menurut Virat Din Rat (1975:8) pengaruh Siam yagn kuat ke atas wilayah-wilayah di utara Semenanjung Malaysia dapat dilihat dari hakikat bahawa banyaknya terdapat nama-nama yang berunsur Thai. Pekan Changloon, Kodiang dan Jitra semuanya dinamakan mengikut bahasa Thai dan dikaitkan dengan dongeng Thai. Perkara Changloon di dalam bahasa Thai yang bermaksud gajah mati, Kodiang yang memberi maksud bukit merah, dan Jitra yang memberi maksud sempadan. Malahan dialek yang

dipertuturkan oleh orang-orang Thai di Kedah hampir sama dengan dialek selatan Thai.

¹Seorang penduduk yang berumur 97 tahun dan kini menetap di Tasek, Perak berkata bahawa beliau sememangnya berasal dari Baling malah datuk dan neneknya juga merupakan penduduk asal Baling. Ini bermakna bahawa orang-orang Thai telah tinggal di Simpang Empat lebih dari seratus tahun lamanya. Bukti lain adalah terjumpanya patung-patung Buddha dalam gua di bukit granit yang terletak di pinggir pekan Baling di mana patung-patung dijumpai itu menyerupai patung Buddha yang terdapat di Thailand. Di sekitar kawasan perbandaran Baling, dijumpai empat kawasan perkuburan orang Thai. Satu daripadanya masih lagi digunakan.

Enakmen Tanah Simpanan Melayu boleh menjadi satu bukti tentang keujudan masyarakat Thai yang telah sekian lama menetap di Baling. Ini adalah kerana sebelum Enakmen Tanah Simpanan Melayu berkuatkuasa, sebahagian besar orang-orang Thai di Kedah telah mempunyai dusun, sawah, kebun getah dan sebagainya yang telah mereka usahakan sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Malahan terdapat tanah-tanah kepunyaan orang-orang Thai yang telah diambil oleh kerajaan untuk pembinaan beberapa bangunan seperti Pejabat Tanah dan Daerah,

¹Hasil temubual dengan Lerd Chareansuk yang berasal dari Baling tetapi telah berpindah ke Tasek kerana mengikut anaknya.

Pejabat Pertanian dan beberapa buah bangunan dengan dibayar gantirugi kepada pemilik-pemilik tanah berkenaan.

Menurut Virat, di Kedah kaum Thai dikatakan mempunyai hak-hak yang sama dengan orang Melayu. Ini kerap kali dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin negeri. Hal ini pernah ditegaskan oleh Yang Berhormat Dato Syed Ahmad Shahabudin selaku Menteri Besar Kedah dalam satu majlis dialog dengan lebih kurang empat ratus orang wakil-wakil kaum Thai dari seluruh negeri Kedah bertempat di Telok Wanjah Alor Setar pada tahun 1971. Kaum Thai memang dibenarkan memiliki tanah di kawasan simpanan Melayu dengan syarat tanah ini tidak boleh dijual kepada orang Melayu. Sekiranya ini berlaku tanah ini tidak boleh lagi ditukar milik kepada orang Thai. Dalam lain ertikata seseorang Thai boleh memiliki tanah tetapi tidak boleh menjual dan membeli dari orang Melayu tanah di kawasan Simpanan Melayu. Tanah di kawasan Simpanan Melayu mengikut Enakmen Tanah Simpanan Melayu tidak boleh dijual kepada kaum lain selain dari Melayu.

Baling merupakan sebuah daerah yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Tiga peristiwa besar telah berlaku yang membuatkan nama Baling terkenal iaitu perjumpaan Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, Chin Peng pada 28 dan 29 Disember 1955 di Sekolah Kebangsaan Baling.

Kemudian pada 19 November , 1974 berlaku tunjuk perasaan dan mogok lapar akibat kejatuhan harga tetah sehingga terbit laporan bahawa ada kanak-kanak yang mati akibat kebuluran.

Selepas peristiwa mogok lapar, berlaku pula satu peristiwa yang menyayat hati di Baling yang lebih dikenali dengan peristiwa "Memali" pada 19 November 1985 di mana ia melibatkan 14 orang awam dan empat anggota pasukan keselamatan terbunuh sementara beberapa yang lebih cedera.

Terdapat beberapa cerita yang disebarikan dari mulut ke mulut bagaimana Baling mendapat namanya. Beberapa orang penduduk yang agak berumur di Baling berkata bahawa pada masa dahulu Baling merupakan sebuah hutan tebal yang dipenuhi oleh monyet sebelum ianya diterokai untuk dijadikan kawasan petempatan. Apabila datangnya orang-orang Thai untuk menduduki kawasan tersebut bilangan monyet masih banyak. Oleh itu orang-orang Thai memanggil kawasan itu dengan panggilan Ban Ling yang bermaksud "Kampung Kera". Gelaran nama Ban Ling ini akhirnya menjadi Baling sahaja.

Selain daripada namanya yang diambil daripada nama "Kampung Kera", ada juga yang menyatakan bahawa nama Baling adalah singkatan dariapda perkataan sabaling atau "Sintok

Kera" di dalam bahasa Malaysia. Dikatakan bahasa sabaling memang banyak terdapat di Baling pada satu ketika dulu.

Ada juga cerita yang menyatakan nama Baling berasal dari dua perkataan iaitu ba ling yang bermaksud "melimpah tebing" kononnya sungai yang mengalir di tengah-tengah pekan Baling sekarang berhulu di satu kawasan bukit di ulu Perak. Kawasan ini dikenali sebagai Nam Ba Ling. Oleh kerana air sungai yang mengalir itu dari kawasan tersebut, maka kawasan yang mereka duduki dipanggil Baling.

Nama Baling juga dikaitkan dengan kegiatan seorang Raja Kedah yang bernama Raja Bersiong. Pada satu ketika Raja Bersiong yang meminum darah manusia dikatakan telah mencabut dan membalingkan siong yang telah dipulasnya. Mukim Pulai dikatakan mendapat namanya ketika Raja Bersiong memulas siongnya disitu sementara nama mukim Baling didapati semasa Raja Bersiong membalingkan siongnya. Sebuah tempat lagi iaitu Weng mendapat namanya berikutan daripada bunyi Weng yang dikeluarkan semasa siongnya dibalinkan dan tempat dimana siong Raja Bersiong jatuh dinamakan Mukim Siong.

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

2.2 BALING DAN ASPEK-ASPEK SOSIAL ORANG THAI

Menurut sumber-sumber yang didapati dari Pejabat Daerah Baling, strategi pembangunan yang paling utama sedang dilaksanakan di Daerah Baling ialah mewujudkan pekan-pekan baru di beberapa pekan tradisi iaitu di Pekan Baling sendiri, Kupang, Kuala Ketil dan Kampung Lalang. Pembinaan Pekan Baru Baling melibatkan kos \$5.9 juta untuk pakej pertama yang mengandungi rumah teres, rumah kedai, pasar, perhentian bas dan teksi, tapak bangunan industri dan lain-lain.

Pada keseluruhannya sehingga kini terdapat 107 buah rumah murah unit satu dan dua, di Taman Sepakat 9 buah yang menjadikan keseluruhannya 64 buah.

Terdapat 57 buah masjid, 210 surau, 9 buah Tokong, 17 buah kuil, 3 buah Wat Siam. Terdapat 3 buah sekolah menengah, 2 buah Sekolah Rendah Kebangsaan dan 1 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Manakala bagi ruang niaga pula terdapat 236 buah rumah kedai, 62 buah gerai, 1 buah pasar dan pasar tani pada setiap hari Rabu.

Di sektor perindustrian pula menurut ku Nahar, Pegawai Daerah Baling, *Mingguan Malaysia* (1990:9) beberapa tapak untuk kegiatan industri ringan telah diwujudkan, antaranya

Bengkel Industri Ringan di Pekan Naka, Baling sebanyak empat belas unit yang kini telah beroperasi sepenuhnya.

Menurut Ku Nahar lagi, dalam usaha membangunkan infrastruktur di Daerah Baling lebih empat ratus buah projek kecil terutama pembinaan jalan-jalan mini tar yang menghubungkan kampung-kampung kecil dengan pekan-pekan berdekatan yang menelan belanja lebih tiga juta ringgit telah disiapkan.

Setakat ini katanya, Daerah Baling mempunyai rangkaian jalan raya Persekutuan sepanjang 52.5 kilometer, jalan-jalan negeri sepanjang 267.72 kilometer, jalan FELDA sepanjang 13.26 kilometer, jalan FELCRA sepanjang 2.14 kilometer, jalan pertanian sepanjang 67.1 kilometer. Dengan terbinanya jalan-jalanraya tersebut dikatakan lapan puluh lima peratus dari kawasan kediaman di Daerah Baling ini telah dihubungkan dengan jalan raya.

Selain daripada itu Pekan Baling juga mempunyai sebuah Pejabat Pos, hospital, bank, sebuah panggung wayang dan berbagai-bagai kemudahan sosial.

2.2.1 ORGANISASI SOSIAL

Dari segi organisasi sosial di Baling, terdapat beberapa

organisasi sosial yang menjaga kepentingan dan kebajikan anggota-anggotanya iaitu:-

- i. Persatuan Kebajikan Thai Malaysia;
- ii. Jawatankuasa Wat;
- iii. Persekutuan Belia Thai Buddhis;
- iv. Pertubuhan Kebudayaan Tradisional
- v. Jawatankuasa Kemajuan Kampung

Persatuan Kebajikan Thai Malaysia adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan komuniti Thai di Malaysia. Ibu pejabatnya adalah di Pulau Pinang.

Jawatankuasa Wat pula bertanggungjawab terhadap harta wat yang dianggap harta komuniti Thai. Ini bermakna segala bentuk aktiviti, dermawan dan sumbangan adalah dipegang oleh komuniti Thai yang biasanya tinggal berdekatan dengan Wat. Orang-orang Thai juga merupakan penganjur kepada ritual-ritual keagamaan serta aktiviti-aktiviti sosial yang berlangsung di wat.

Persatuan Belia Thai Buddhis adalah bertanggungjawab mengadakan kelas-kelas bimbingan bahasa Thai dan keagamaan kepada pelajar-pelajar Thai. Contohnya di wat Telok Wanjah, Alur Setar, Persatuan Belia Thai telah mengadakan kelas bimbingan khas kepada belia Thai yang tinggal di serata tempat di Kedah pada setiap hari Jumaat khususnya bagi

pelajar-pelajar tingkatan tiga, lima dan enam sebagai persediaan bagi menghadapi peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan. Guru-guru yang mengajar terdiri daripada orang-orang Thai dan juga orang-orang Cina tetapi bilangannya adalah kecil dan pelajar-pelajar tidak dikenakan bayaran. Perjumpaan belia Thai juga telah diadakan di antara komuniti Thai yang tinggal di kampung yang berlainan di Kedah dan juga di antara komuniti Thai di Kedah dengan komuniti Thai di Kelantan. Contohnya pada tahun 1988 oprom atau "perjumpaan belia Thai" di antara komuniti Thai di Kedah dengan komuniti Thai di Kelantan telah diadakan di salah sebuah wat di Kelantan. Perjumpaan dan perhimpunan begini penting bukan sahaja bagi belia Thai mengenali dan berbincang antara satu sama lain tapi juga bagi mereka mendalami hal-hal agama. Selain daripada itu Persatuan Belia Thai Buddhis juga bertanggungjawab menganjurkan aktiviti-aktiviti sosial dan kebudayaan.

Bagi mengadakan pertunjukkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, Pertubuhan Kebudayaan Tradisional adalah bertanggungjawab untuk membuat persembahan yang terdiri daripada manoora dan silat.

Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung (AJKKK) dilantik oleh Pegawai Daerah. Memandangkan tidak terdapat seorang

ketua kampung yang rasmi maka jawatankuasa Kemajuan Kampung ini penting bagi menjaga kemajuan dan kebajikan penduduk. Dalam komuniti Thai beberapa orang yang telah dilantik untuk memegang jawatan tersebut. Tanggungjawab mereka adalah mewakili komuniti Thai di bahagian pentadbiran daerah dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung adalah bekerja di bawah penghulu mukim.

2.3 PENYIBARAN PENDUDUK DAN POLA PETEMPATAN

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab satu, orang-orang Thai merupakan kelompok yang tinggal di dalam kumpulan etniknya sendiri dan kelompok Thai ini biasanya dikelilingi oleh kumpulan etnik lain. Di Baling orang-orang Thai tinggal di Simpang Empat, orang-orang Cina tinggal di sekitar pekan Baling manakala orang-orang Melayu tinggal di Batu Tujuh. Walau bagaimanapun di Kok Sira, penduduk-penduduknya adalah terdiri daripada kumpulan etnik Melayu, Cina dan sedikit Thai. Di Kampung Simpang Empat juga terdapat sebuah rumah orang India dan lima buah rumah orang Cina. Tidak terdapat, orang Melayu yang tinggal di Kampung Simpang Empat. Ini berkemungkinan kerana orang-orang Melayu berasa lebih senang tinggal di dalam kelompoknya tersendiri. Tambahan pula perbezaan agama di antara orang-orang Thai yang beragama Buddha dengan orang-orang Melayu yang beragama Islam lebih menyulitkan lagi orang-orang Melayu untuk tinggal bersama dengan komuniti Thai. Ini adalah kerana agama Islam melarang

orang-orang Islam memakan daging babi manakala orang-orang Melayu memakan babi manakala di dalam Kampung Simpang Empat terdapat beberapa orang penduduk kampung yang memelihara babi tetapi jumlahnya kini telah berkurangan. Hal seperti ini tidaklah berlaku di kalangan orang-orang Cina dan India kerana orang-orang Cina yang tinggal di situ beragama Buddha dan orang-orang India pula beragama Hindu. Walaupun terdapat beberapa orang penganut agama Buddha dan Hindu yang tidak memakan daging, tetapi hal ini tidaklah menjadi halangan kepada mereka untuk tinggal di Kampung Simpang Empat.

Pola penempatan di Kampung Simpang Empat seperti juga di kampung-kampung lain di Kedah, contohnya di Sik, Changloon, Kalai, Jitra dan sebagainya adalah berselerak iaitu rumah mereka tidak didirikan secara tersusun. Pola petempatan rumah mereka boleh juga dikatakan didirikan secara berkelompok memandangkan orang-orang Thai tinggal di dalam kelompoknya sendiri, orang-orang Melayu di dalam kelompoknya sendiri dan orang-orang Cina di dalam kelompoknya sendiri. Walau bagaimanapun keadaan rumah yang berselerak di dalam Kampung Simpang Empat akan berubah di dalam beberapa tahun akan datang kerana kerajaan telah membahagikan tanah kepada lot-lot yang tertentu kepada penduduk-penduduk yang tinggal di Kampung Simpang Empat untuk dijadikan Kampung Baru. Bagi penduduk yang tinggal di Kampung Baru, mereka dikehendaki

membayar cukai tanah kepada kerajaan dan jumlahnya adalah bergantung kepada keluasan tanah yang mereka miliki.

Kampung Simpang Empat terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Ban Lum atau Kampung Lereng Nai Khok atau Dalam Kandang dan Ban Nai atau Kampung Dalam. Nai Khok atau Kampung yang terletak di sebelah dalam dinamakan sedemikian kerana apabila komunis bertapak di Baling di sekitar tahun 50-an, pihak penjajah Inggeris telah melancarkan rancangan Briggs dan mengarahkan kesemua orang-orang Thai dan Cina yang tinggal di sekitar Nai Khok atau Kampung Dalam Kandang dan beberapa kawasan lain masuk ke dalam Khok itu. Ini adalah bertujuan untuk mengelakan orang-orang Thai dan Cina daripada bekerjasama dengan pihak komunis.

2.4 SEJARAH ORANG-ORANG THAI DI SIMPANG EMPAT

²Menurut bekas ketua Kampung Simpang Empat memang terdapat sebuah Simpang Empat di situ pada kira-kira 100 tahun dahulu yang digunakan sebagai jalan perhubungan ke kampung-kampung lain. Walau bagaimanapun Simpang Empat tidak kelihatan lagi kerana dipenuhi dengan pembinaan beberapa buah rumah oleh penduduk-penduduk Kampung Simpang Empat. Terdapat sebuah wat yang dinamakan Wat Sri Maha Pho. Wat ini menjadi tempat ritual kebudayaan dan aktiviti-aktiviti sosial

²Hasil temubual dengan bekas Ketua Kampung Simpang Empat Din Ngai yang kini telah berusia 87 tahun.

diadakan. Di wat Sri Maha Pho inilah orang-orang Thai Kampung Simpang Empat akan berkumpul beramai-ramai apabila tibanya hari-hari perayaan seperti Hari Tahun Baru yang disambut pada setiap 31hb Disember, Hari Wesak, Hari Masuk Sami atau Buad Nag dan lain-lain lagi. Di Wat Sri Maha Pho ini juga pelajar-pelajar Thai berpeluang untuk mempelajari bahasa Thai samada pada hari minggu sahaja iaitu pada hari Jumaat dan Sabtu atau pada tiap-tiap malam dan bercuti pada hari minggu. Cuma terdapat seorang sami Buddha sahaja yang tinggal di Wat itu dan beliau merupakan guru yang mengajar bahasa Thai di situ.

Orang-orang Thai yang tinggal di Kampung Simpang Empat mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain. Begitu juga perhubungan di antara orang-orang Thai dengan orang-orang Cina dan India. Orang-orang Cina yang tinggal di Kampung Simpang Empat mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu mereka boleh bertutur dalam bahasa Thai malah orang-orang Thai juga boleh bertutur dalam bahasa Cina dialek Hokkien. Hampir kesemua orang-orang Thai di situ boleh bertutur dalam bahasa Melayu loghat Kedah. Bilangan isirumah di Kampung Simpang Empat adalah lebih kurang seratus buah termasuk lima buah rumah orang Cina dan sebuah rumah orang India.

Terdapat dua buah kedai runcit kepunyaan orang Cina sebuah kedai runcit kepunyaan orang Thai, dan sebuah gerai makanan kepunyaan orang Thai di Kampung Simpang Empat. Di kedai runcit kepunyaan orang Cina, bahasa Thai digunakan apabila orang-orang Thai mengurus niaga dengan mereka. Menurut seorang penduduk di situ yang pernah membuka kedai runcit sebelum ini, kedai runcit yang dibuka oleh orang-orang Thai tidak dapat bertahan lama memandangkan ramai penduduk-penduduk kampung yang suka membeli dengan berhutang sehingga tuan punya kedai runcit yagn akhirnya rugi. Di Simpang Empat juga boleh didapati kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, air, elektrik dan kemudahan telefon.

2.4.1 PENTADBIRAN

Dari segi pentadbiran di Kampung Simpang Empat, beberapa orang di dalam komuniti Thai telah dilantik oleh Pegawai Daerah untuk memegang jawatan Ahli Jawatankuasa. Kampung ini adalah berikutan daripada ketiadaan seorang Ketua Kampung yagn rasmi di Kampung itu. Oleh itu Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini bertanggungjawab mewakili komuniti Thai di bahagian pentadbiran daerah dan mereka bekerja di bawah penghulu mukim.

2.4.2 EKONOMI

Orang-orang Thai di Simpang Empat, Kedah mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada harta-harta seperti berikut:

tanah sawah
kebun getah
tapak rumah sendiri
dan dusun buah-buahan

Bagi orang-orang Thai yang mempunyai keempat-empat kategori tersebut merupakan orang yang agak berada di dalam komuniti Siam dengan pendapatan mereka di antara \$300 hingga \$600 sebulan. Walau bagaimanapun sebahagian besarnya tidak memiliki kesemua harta tersebut. Mereka mungkin mempunyai tanah sawah dengan tapak rumah sendiri dengan kebun getah. Di Simpang Empat, tapak rumah di beri oleh kerajaan di kawasan perkampungan baru. Golongan yang mempunyai kebun getah dan sawah memperolehi pendapatan di antara \$250 hingga \$400 sebulan.

Orang-orang Thai di Kedah diberi hak untuk memiliki tanah di dalam kawasan Simpanan Melayu seperti yang terdapat di dalam Perlembagaan Negeri Kedah. Hal ini terdapat di dalam Enakmen 63 Seksyen 6 yang berbunyi:

Save as hereinafter provided in this Enactment, where any land is held under a document of title by a Malay no right or interest shall rest, whether by transfer, sale in execution or otherwise, in any person who is not either a Malay or a Siamese.

(The law of the State of Kedah,
Government Press - 1934)

Menurut peruntukan tersebut dan juga Enakmen 63, Seksyen 7,8 dan 9, seorang Thai dianggap sebagai sama dengan orang Melayu di dalam hal yang bersangkutan dengan tanah di negeri Kedah. Menurut Rollins Bonney, kemungkinan orang-orang Thai mendapat hak demikian adalah akibat dari perkembangan sejarah dan politik selepas tahun 1900. Pada masa itu perhubungan di antara Kedah dan Siam beransur baik dan ini telah menyebabkan ramai orang Thai berhijrah ke sini. Perjanjian Bangkok dalam tahun 1909 telah mengakibatkan putusnya hubungan mereka ini dengan negeri asal mereka dari segi politik dan kebudayaan. Oleh itu sebagai penggantian terhadap kehilangan identiti kebangsaan mereka akibat dari perkembangan politik, orang-orang Thai telah diberi hak istimewa ini di samping diakui sebagai rakyat Sultan Kedah yang sah. Menurut Enakmen Tanah Simpanan Melayu ini, tanah yang dimiliki oleh orang-orang Thai tidak boleh dijual kepada orang bukan Melayu dan tidak boleh ditukar milik kepada orang Cina.

IDENTITI THAI

Bagi memahami identiti orang-orang Thai, beberapa perkara seperti agama, bahasa dan kebudayaan haruslah diambil kira. Perkara-perkara seperti agama, bahasa dan kebudayaan orang-orang Thai di Malaysia khususnya di Simpang Empat dapat membezakan di antara orang-orang Thai dengan orang-orang Melayu dan Cina.

3.0 KEPERCAYAAN DAN BUDDHISME DALAM KOMUNITI THAI

Etniksiti dan identiti orang-orang Thai selalunya dikaitkan dengan agama Buddha. Buddhisme diasaskan oleh Siddharta Gautama, iaitu seorang putera raja kaum Sakya di utara India. Ajaran agama Buddha adalah berdasarkan falsafah yang dinamakan dhama iaitu kebajikan pemberian tanpa balasan dan kebendaan. Dharma pula dipecahkan kepada hakikat kebenaran yang empat iaitu sengsara, sebab, kebebasan dan jalan. Sengasara bermaksud percaya kepada hidup yang berulang-ulang. Ajaran tersebut samalah dengan ajaran agama Hindu yang juga disebut sengsara. Kebenaran yang kedua iaitu sebab yang membawa maksud bahawa sebab yang menjadikan seseorang itu sengsara ialah kerana keinginan kepada maya iaitu tiupan maya atau hidup.

Maya bererti pandangan yang salah. Ertinya melakukan kesalahan atau kejahatan di dalam hidup ini. Daripada perkataan maya itulah terbitnya perkataan mayapada. Kebenaran yang ketiga dalam Buddha iaitu kebebasan membawa maksud untuk mengelakkan diri daripada keinginan maya itu. Untuk itu maka terpaksa manusia membebaskan diri daripada keinginan maya iaitu keinginan hati atau nafsu kita di dunia ini.

Tentang kebenaran jalan pula adalah bermaksud untuk membebaskan diri daripada keinginan maya, hendaklah dicari jalannya. Jalan itu pula mestilah dipelajari. Menurut ajaran Buddha, jalan yang dimaksudkan itu ada lapan iaitu:

- Pertama : Pandangan yang baik
- Kedua : Fikiran yang baik
- Ketiga : Pembicaraan yang baik
- Keempat : Pekerjaan yang baik
- Kelima : Kehidupan yang baik
- Keenam : Daya upaya batin yang baik
- Ketujuh : Penunggalan fikiran yang baik
- Kelapan : Kelepasan jiwa yang baik

Tujuan hidup menurut ajaran Buddha adalah untuk melepaskan diri daripada sengsara supaya dapat masuk nirwana yakni syurga.

3.1 PRINSIP-PRINSIP BUDDHISME

Para sarjana menganggap Buddhisme sebagai ajaran nontheistic iaitu ajaran yang tidak memberi penekanan kepada aspek ketuhanan. Buddhisme iaitu agama yang berfalsafah menekankan beberapa prinsip seperti keujudan dan kelahiran semula, peraturan atau hukum-hukum (precept) yang harus diambil kira oleh manusia untuk mencapai kesejahteraan dalam hidup.

Buddhisme menekankan kepada faktor-faktor Karma, kelahiran semula dan nirwana. Dalam Buddhisme setiap objek samada manusia atau objek kehidupan lain bersifat sementara dan berubah-ubah. Ini adalah hasil daripada proses semulajadi di bumi iaitu kelahiran, pertumbuhan, kematian dan pereputan. Buddhisme mempercayai adanya penggantian, setiap yang sudah reput ada penggantinya. Manakala penderitaan adalah hasil dari keadaan sementara dan proses-proses penderitaan akan terus berlaku berulang kali sehingga manusia mencapai matlamat terakhirnya Buddhisme menyatakan yang alam adalah dioperasikan oleh hukum-hukum semulajadi dan bukannya mengikut kuasa Tuhan seperti yang dikemukakan oleh agama-agama lain. Walau bagaimanapun Buddhisme tidak menolak akan keujudan-keujudan unsur yang lebih tinggi dari manusia. Dalam Buddhisme, kebenaran mutlak bermaksud bahawa seseorang itu telah benar-benar menyedari akan hakikat kehidupan dan

dapat mengatasi penderitaan yang dapat membawa kepada kejahilan. Kejahilan dapat dihapuskan dengan pengetahuan mengenai kebenaran yang mulia iaitu:

1. Hidup adalah penderitaan
2. Punca penderitaan adalah nafsu
3. Nafsu boleh dihapuskan
4. Penghapusan nafsu adalah melalui lapan jalan yang mulia

Karma atau kam merupakan satu prinsip dalam Buddhisme yang penting. Karma menekankan segala perbuatan yang dilakukan samada baik atau buruk manusialah yang harus bertanggungjawab ke atas dirinya sendiri. Perbuatan-perbuatan itu merangkumi pemikiran manusia, perasaan atau percakapan yang mempunyai kesannya yang tersendiri. Terdapat tiga kesan atau karma iaitu karma baik, karma neutral dan karma tidak baik. Karma neutral tidak membawa sebarang kesan samada negatif atau positif. Perbuatan yang tidak baik atau menyimpang daripada hukum-hukum semulajadi dan ajaran Buddhisme akan dianggap menghasilkan karma yang negatif. Manakala perbuatan yang baik akan menghasilkan karma yang baik. Oleh itu bentuk dan pengalaman individu pada masa-masa tertentu adalah hasil dari tindakannya yang lepas dan tindakannya di masa ini akan membentuk keadaannya pada masa hadapan.

Menurut ajaran Buddhisme, karma yang baik iaitu dengan melakukan perbuatan yang baik akan membawa manusia ke tahap yang tinggi dalam matlamat hidupnya yang terakhir iaitu nirwana. Bagi karma yang tidak baik akan menyebabkan manusia menderita apabila dilahirkan semula dalam penghidupan kemudiannya. Dengan itu manusia yang mempunyai karma yang tidak baik akan menghadapi banyak kelahiran semula. Oleh itu manusia haruslah melakukan kebaikan untuk mencapai kebahagiaan dalam hidupnya. Kebahagiaan manusia akan meningkat dengan bertambahnya kebaikan yang dilakukan di mana manusia akan dilahirkan di tahap yang lebih tinggi iaitu di alam dewa-dewa dan nirwana.

Kelahiran semula merupakan satu lagi prinsip asas dalam Buddhisme. Ia mempunyai hubungan dengan karma. Kelahiran semula bermakna bahawa seseorang manusia itu akan dilahirkan semula selepas kematian. Kelahiran ini adalah berupa bentuk baru bergantung kepada karmanya samada baik, neutral atau tidak baik. Manusia sentiasa berada dalam belunggu kelahiran semula sehinggalah ia mencapai tahap tertinggi dalam hirarki ajaran Buddha iaitu nirwana.

Beberapa konsep dalam ajaran agama Buddha telah digunakan oleh komuniti Thai dalam kehidupan seharian mereka. Konsep-konsep seperti bun, baab dan kam (karma). Ia mempunyai perkaitan dengan kelahiran semula, dosa-dosa yang

dibuat, karma dan nirwana. Seseorang yang mengalami kebahagiaan dalam hidupnya dianggap mempunyai bun iaitu karma yang baik hasil daripada kebaikan yang dilakukannya dalam kehidupan yang lepas. Baab bermaksud karma yang tidak baik. Orang yang telah melanggar hukum atau peraturan-peraturan telah membuat baab atau dosa. Oleh itu dalam kehidupan Thai, perkaitan antara kedua-dua tersebut (bun dan baab) akan menentukan kehidupannya yang akan datang. Iaitu bagaimanakah keadaannya apabila dilahirkan semula. Kam (karma) seperti yang diterangkan di atas merupakan aspek-aspek negatif dalam kehidupan seperti kesusahaan, kesakitan dan bentuk-bentuk penderitaan. Orang yang menderita kerana penyakit, misalnya dianggap menerima balasan kam buruk yang lepas.

Berdasarkan kepada karma dan kelahiran semula, orang Thai berusaha melakukan kebaikan atau pahala dengan thambun (membuat kebaikan). Thambun dilakukan oleh orang-orang Thai yang berharap untuk mencapai kesenangan dan kebahagiaan dalam kehidupan akan datang. Mereka berharap dengan menimbun pahala, ganjaran yang baik atau karma yang baik akan mengatasi karma yang tidak baik dan seterusnya mereka tidak akan menerima akibat buruk dengan mendapat kesusahan atau penderitaan yang lebih dalam kehidupan akan datang. Thambun dibuat di wat atau kuil Buddha. Thambun boleh dibuat semasa Buad Nag (masuk sami), thood kathin, Hari Wesak dan lain-lain lagi.

Bagi orang-orang Thai yang beragama Buddha Theravada, nirwana merupakan matlamat kehidupan yang terakhir dan ia hanya boleh dicapai apabila seseorang itu dapat keluar daripada alam kelahiran semula. Pernyataan tentang kelahiran semula terkandung di dalam Doktrin karma. Bagi sesiapa yang merasai bahawa adalah sukar untuk mencapai ke tahap nirwana, maka mereka akan memilih alternatif lain iaitu melepaskan diri daripada kesengsaraan yang juga terkandung di dalam Doktrin karma. Kesengsaraan boleh dikurangkan dengan banyak membuat kebaikan dan menjauhkan diri daripada dosa dan kejahatan. Oleh sebab itulah orang-orang Thai terutamanya orang-orang tua akan sentiasa membuat kebaikan (thambun) supaya sekurang-kurangnya mereka dapat melepaskan diri daripada kesengsaraan.

Di antara Tham Bun yang dilakukan oleh orang-orang Thai adalah seperti memberi makanan kepada sami. Setiap pagi selepas matahari terbit, akan kelihatan sami yang berpakaian warna pinang masak dan tidak berkasut akan membawa mangkuk yang berwarna hitam (bhat) meminta makanan dari rumah ke rumah. (Sami berjalan dengan meminta makanan dari rumah ke rumah sudah tidak ada lagi di wat Simpang Empat tetapi ia masih dilakukan di wat-wat lain). Dari setiap rumah sami-sami dapat sedikit nasi serta sedikit laut dan sesiapa yang memberikan makanan ini mengucapkan syukur yang mereka telah

menyedekahkan makanan kepada sami dan sami ini telah meminta makanan daripada mereka. Sami ini tidak akan menjawab atau berkata apa-apa selepas menerima makanan dari mereka. Orang-orang yang menjadi sami ini biasanya akan balik ke rumah mereka nanti, kaya dnegan rohani selepas belajar, bersemadi dan menahan nafsu dari latihan sami mereka.

Selain daripada itu perayaan-perayaan keagamaan yang dilakukan di wat juga merupakan salah satu cara bagaimana orang-orang Thai membuat kebaikan. Biasanya perayaan-perayaan keagamaan ini akan disertakan juga dengan aktiviti-aktiviti sosial. Di antara perayaan-perayaan keagamaan bagi penduduk Thai yang beragama Buddha membuat kebaikan adalah Songram, Hari Wesak (Wisakha Bucha), Ching Pret dan Loy Krathong.

Perayaan Songran atau Sankranta di dalam bahasa Sanskrit tidak diadakan di wat Baling tetapi ia disambut di Wat Tasek yang letaknya tidak jauh dari Baling. Perayaan Songkran disambut pada 14hb April setiap tahun dan tarikhnya adalah sama seperti yang disambut di Thailand. Semasa perayaan ini, patung-patung Buddha akan dimandikan dan begitu juga dengan sami-sami Buddha dan upacara sembahyang juga akan dilakukan sami Buddha di sini bermaksud bahawa sami Buddha akan duduk di atas kerusi dan orang ramai akan mencurahkan air secara perlahan-lahan ke atas sami tersebut. Pada hari

itu juga binatang seperti burung dan ikan akan dilepaskan sebagai menandakan kebaikan yang dibuat. Beberapa orang yang telah lanjut usia juga akan dimandikan. Sementara itu bagi pemuda-pemudi Thai, mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mencurahkan air sesama sendiri dan pada malam hari pertunjukkan pentas akan diadakan.

Setiap perayaan dan upacara biasanya akan dimulakan dengan upacara sembahyang dan kemudain Tak Bhat (memasukkan nasi ke dalam mangkuk bulat yang berwarna hitam yang akan diletakkan berbaris-baris di atas bangku panjang ataupun kadang-kadang sami yang akan berdiri dengan memegang bhat itu.

Upacara untuk membuat kebaikan juga dilakukan pada bulan Mei yang dipanggil Hari Wesak (Wisakha Bucha) yang merupakan hari kelahiran hari menerima cahaya/petunjuk dan hari kematian Gautama Buddha. Pada hari itu, penduduk-penduduk di Kampung Simpang Empat akan bersembahyang dan tak bhat. Pada malam hari juga, penduduk-penduduk kampung tidak kira tua atau muda akan pergi bersembahyang. Upacara sembahyang dilakukan dengan berjalan mengelilingi bot sebanyak tiga kali mengikut arah pusingan jam dengan memegang gaharu, lilin dan bunga. Bagi masyarakat Thai bunga adalah simbol kemakmuran dan kesempurnaan hidup dan persembahan bunga kepada Buddha

adalah sebagai satu permintaan agar hidup mereka menjadi aman dan damai.

Satu lagi perayaan yang disambut di Simpang Empat ialah Ching Pret. Orang-orang Thai percaya bahawa seseorang yang melakukan terlalu banyak dosa akan menjadi Pret dan pret hidup di dalam kesengsaraan di neraka. Pelepasan pret berlaku setahun sekali pada bulan Oktober. Pada masa ini pret-pret dibenarkan keluar pergi ke dunia untuk menerima kebaikan (Tham Bun) yang dilakukan oleh saudara-saudara mereka kepada mereka.

Masyarakat Thai mempunyai sistem susun lapis yang terdiri daripada yang tertinggi sekali tarafnya sehinggalah kepada yang terendah sekali tarafnya iaitu Dewada yang tinggal di syurga, manut atau manusia, sad (binatang). Phi (hantu) dan di bawah sekali ialah pret (syaitan). Setiap tingkat susun lapis ini pula mempunyai pembahagian kecil. Di kalangan manusia biasa yang diberi status tertinggi sekali ialah sami-sami.

Pada hari itu, penduduk-penduduk kampung akan memberi makanan seperti nasi, lauk-pauk, buah-buahan dan sebagainya kepada sami sebagai cara membuat kebaikan. Selepas selesai upacara sembahyang, upacara lain pula yang dilakukan iaitu Ching Pret yang merupakan satu upacara merebut makanan yang

ditinggalkan kepada pret itu. Adalah dipercayai bahawa dengan pemberian makanan ini akan membuatkan seseorang itu sihat dan direstui.

Perayaan Loy Krathong yang disambut pada waktu malam pada bulan November mempunyai tujuannya yang tertentu. Lilin di dalam krathong ini dianggap sebagai mengalirkan dosa dan kesukaran. Loy krathong bererti melayarkan mangkuk daun dan ada di antaranya yang dibuat dengan cantik berupa seperti burung, perahu, ular atau seperti tokong. Tiap-tiap mangkuk ini berisi sebatang lilin serta tiga batang colok, dan kadang-kadang berisi wang syiling supaya elok pertimbangannya dan akan melayarkannya di sungai ataupun terusan. Orang-orang yang memandangi krathong tadi belayar akan berpaling pulang ke rumah dengan perasaan agak lega sebab mereka telah mengalirkan dosa dan kesukaran.

Pemberian kain kuning atau Thod-kathin disambut pada pertengahan bulan November. Thod-kathin merupakan satu perayaan bagi orang-orang biasa untuk membuat kebaikan dan juga sebagai penghormatan kepada sami-sami Buddha dalam mengamalkan dan mengekalkan ajaran Gautama Buddha. Selain daripada pemberian kain kuning, orang-orang Thai juga akan memberi beberapa barangan lain seperti beras, garam, gula dan sebagainya lagi.

3.1.1 KEPERCAYAAN-KEPERCAYAAN LAIN

Orang-orang Thai juga masih mempercayai semangat atau penunggu yang dipanggil Chauthea yang kononnya tinggal di dalam lingkungan rumah itu sendiri. Orang-orang Thai mempercayai bahawa terdapat hantu-hantu yang jahat yang mengganggu anggota-anggota di dalam rumah. Oleh itu Chauthea ini dikatakan tolong menjauhkan segala kecelakaan dan malapetaka daripada keluarga. Orang-orang Thai biasanya membina sebuah rumah kecil di hadapan halaman rumah untuk penunggu ini. Adalah dipercayai bahawa penunggu ini dapat mendatangkan gejala yang tidak baik sekiranya ia tidak diberi penghormatan yang sewajarnya. Sembahyang terhadapnya akan dilakukan setahun sekali dengan membuat beberapa persediaan seperti pulut kuning, ayam rebus dan telur ayam. Seorang bomoh yang berkebolehan di dalam hal ini akan menguruskannya. Upacara ini dilakukan untuk menjauhkan malapetaka dan supaya kehidupan sentiasa aman dan damai. Hanya orang-orang yang berilmu sahaja yang boleh menjadi orang perantaraan di antara orang biasa dengan penunggu itu.

Orang-orang Thai juga masih mengamalkan adat berjumpa dengan ketua sami atau ahli nujum untuk memastikan samada pasangan yang akan berkahwin itu setanding atau tidak. Sami juga merupakan orang yang memutuskan hari dan bulan untuk berkahwin.

Orang-orang Thai juga percaya kepada semangat padi yang dikatakan kononnya hidup berkeliaran; yang lelaki dipanggil Ta But dan yang perempuannya dipanggil Jay Bud. Oleh itu pada tiap-tiap tahun satu upacara memuja semangat padi akan diadakan dan diuruskan oleh seorang bomoh. Sebelum seorang petani memulakan aktiviti membajak sawah, ia harus menunggu hari baik dan bulan yang baik. Penentuan ini biasanya dilakukan oleh seorang tua yang tahu serba sedikit akan ilmu kebomohan.

3.1.2 INSTITUSI WAT

Di Kampung Simpang Empat terdapat sebuah wat yang menjadi pusat keagamaan dan kegiatan sosial penduduk-penduduk di situ. Wat Sri Maha Pho terletak di tengah-tengah kampung. Ianya dibina pada kira-kira seratus tahun dahulu. Hanya terdapat seorang sami Buddha sahaja di Wat Sri Maha Pho ini.

Fokus utama kehidupan sosial dan keagamaan penduduk-penduduk di Kampung Simpang Empat adalah di Wat Sri Maha Pho ini. Sesebuah kampung adalah tidak bererti dan tidak lengkap tanpa wat. Malah ianya bukan merupakan kampung Thai yang sebenarnya. Menurut Rahibhadana, (1909: 10-12).

If there is no wat in one's village, one has the difficulty of travelling far to make merit. The wat is the place to show one's wealth and dress as well as a place to enjoy oneself without being disorderly or drunk for fear of incurring

bap (demin't). Entertainment such as plays dan dancers are given in the compound of the watr. On these occasions, one may first meet one's future spouse. When one has a child and he has grown up, the place he is trained to read, write, be of good character and enter monkhood is the wat. When one is dead, one's body is cremation at the wat and the remains are kept there. The wat is everything that is good in the life of a village from his birth to his death.

Wat orang-orang Thai di Kampung Simpang Empat merupakan bangunan yang dipagari dan di dalamnya terdiri daripada beberapa bangunan kecil dan besar. Di antara beberapa bangunan penting di dalam wat adalah hot, ruang tham dan kuti. Bangunan-bangunan yang lain ialah sala, bua, no khang dan krua.

Bot merupakan bangunan utama dan suci dalam kuil Buddha. Bot merupakan tempat ibadat terpenting yang dikhususkan upacara masuk sami. Bangunan ini dikelilingi oleh lapan lak phat atau stupa kecil. Di bawah stupa-stupa kecil ini ialah batu bulat yang dikenali sebagai luk limit. Batu-batu ini merupakan sempadan bot. Di sebelah bot ialah Pra chedi atau stupa besar yang menjadi tempat penyimpanan relic Buddha.

Ruang Tham merupakan dewan sembahyang yang terletak berhampiran dengan bot. Ia dibina daripada batu dan menyerupai seni bina Thai. Tetapi kini ada juga kuti yang dibina daripada batu-bata.

Kut atau Kuti merupakan tempat tinggal sami. Bentuknya adalah menyerupai rumah tradisi orang Thai. Ia dibina daripada kayu.

Bua merupakan tempat tulang seorang sami yang dihormati dan dianggap keramat dalam komuniti ini disimpan. Bentuk dua sama seperti bentuk sebuah stupa. Bua dianggap suci oleh orang-orang Thai di mana sebelum memulakan sesuatu upacara di wat, lilin dan gaharu dinyalakan sebagai meminta kebenaran dan penghormatan kepada sami yang dihormati dan dianggap suci itu.

Sala adalah sebuah bangunan kecil yang terletak berdekatan dengan dewan sembahyang. Ianya digunakan dalam upacara-upacara tertentu seperti upacara penyucian dan Tak Bhat (penyerahan nasi).

Ho Khang merupakan menara loceng yang didirikan daripada batu. Loceng besar yang digantung di menara ini dibunyikan pada setiap pagi hari suci (wan phrak) dan ketika berlangsungnya upacara-upacara tertentu di wat seperti Pi Mai (sambutan Tahun Baru), Hari Wesak, Thod Kathina (upacara tahunan menghadiahkan pakaian kuning dan lain-lain peralatan dapur kepada sami-sami Buddha).

Wat merupakan pusat Buddha, Dhamma dan sangha. Ketiga-tiga unsur itu merupakan pelindung kepada penganut-penganut ajaran agama Buddha dan juga membentuk kehidupan penganut-penganutnya. Perkataan-perkataan itu berkait rapat antara satu sama lain dan disebut ketika penganut-penganut agama Buddha bersembahyang ataupun beribadat.

Contohnya:-

Buddham saranam gacchani (saya mengaku Buddha sebagai pelindung).

Dhammam saranam gacchami (saya mengaku Dharma sebagai pelindung).

Sangham saranam gacchami (saya mengaku sangha sebagai pelindung).

Ketiga-tiga unsur tersebut dapat dilihat di dalam kitab Thai iaitu Tipitaka atau lebih dikenali sebagai kitab tiga bakul (three basket).

Bagi penganut-penganut ajaran Buddha, Buddha dianggap sebagai guru yang suci dan pelindung manusia. Malah Buddha juga dianggap membentuk peribadi yang mulia melalui ajarannya di samping memberi pedoman kepada manusia dalam menjalani kehidupan di dunia. Sebagai contoh, Dhamma merupakan satu ajaran yang mengajar manusia mendisiplinkan diri dengan cara berfikir dan bertindak ke arah membentuk peribadi yang mulia.

Sangha merupakan satu organisasi yang dianggotai oleh para sami Buddha. Dengan keujudan Sangha ini, manusia terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan sami dan orang biasa. Hubungan timbal balik ujud di antara golongan sami dan golongan orang biasa di mana sami mempunyai peranan sebagai golongan yang mengembangkan ajaran Buddha Theravada dengan memberi bantuan kepada orang lain sementara orang biasa pula memainkan peranan dengan memberi keperluan kebendaan. Hubungan ini penting bagi orang-orang Thai yang beragama Buddha untuk membuat pahala (merit).

3.1.3 MASUK SAMI (Buad Nag)

Buad Nag atau masuk sami merupakan satu lagi identiti orang-orang Thai yang penting dan ia dikaitkan dengan ugama yang dianuti oleh orang-orang Thai. Upacara masuk sami atau buad nag mestilah dijalankan di wat Buddha yang mempunyai bot atau bangunan suci.

Upacara Buad Nag selalunya dijalankan pada bulan Julai iaitu musim hujan di mana sami akan tinggal dan menetap di satu tempat selama tiga bulan bermula dari bulan Julai hingga September. (Di dalam bahasa Thai ia disebut sebagai sebelum musim phansa).

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

Adalah lebih baik bagi seseorang sami untuk tinggal selama tiga bulan sehingga cukup tempohnya. Ini adalah kerana walaupun seseorang sami itu boleh keluar daripada menjadi sami (sek) sebelum cukup tempoh tiga bulan dan masuk menjadi sami semula pada masa-masa yang lain tetapi perbuatan seperti itu merupakan satu kelemahan sami itu. Walau bagaimanapun institusi was atau organisasi sami tidak memaksa seseorang itu untuk tinggal selama tiga bulan tempohnya dan ia adalah bergantung kepada kehendak seseorang itu. Ada juga beberapa orang yang menjadi sami sebelum ini di Wat Simping Empat keluar daripada menjadi sami sebelum cukup tempoh tiga bulan disebabkan oleh faktor pekerjaan dan hal keluarga.

3.1.4 TUJUAN MASUK SAMI

Melalui upacara masuk sami ia secara tidak langsung telah membolehkan sami-sami baru menyertai organisasi sami tempatan atau sangha. Justeru itu fungsi institusi wat sebagai pusat keagamaan dalam komuniti Thai dapat diteruskan.

Tujuan masuk sami bagi seseorang yang beragama Buddha mempunyai kaitan dengan aspek-aspek keagamaan dan sosial. Di antara tujuan seseorang itu menjadi sami adalah sebagai menunjukkan taat setia seseorang itu kepada orang lain terutamanya kaum keluarganya. Adalah dipercayai bahawa

seseorang yang masuk sami akan mendapat pahala dan pahala yang didapatinya boleh dipindahkan kepada ibu bapa, kaum keluarga dan sanak saudaranya. Masyarakat Thai menganggap bahawa seseorang itu telah menjalankan tanggungjawabnya setelah ia melalui ritual keagamaan ini di mana melalui upacara masuk sami ini ibu bapa dan kaum keluarganya juga turut menerima pahala yang didapatinya. Ini adalah juga kerana upacara masuk sami dikaitkan dengan thambun atau melakukan kebaikan (merit). Mengikut kepercayaan orang-orang Thai, individu yang masuk sami akan mendapat pahala dan kebaikan yang dilakukan itu bukan hanya untuk dirinya sahaja tapi juga orang lain.

Dari segi sosial pula, seseorang itu akan mendapat pengiktirafan yang sepenuhnya dari masyarakat sekiranya seseorang itu telah melalui upacara masuk sami. Pengiktirafan dapat dilihat daripada pemberian penghormatan yang tinggi di samping memberi gelaran tertentu kepadanya setelah ia keluar dari upacara-upacara perasmian dan menjadi orang biasa. Seseorang itu akan diberi gelaran nen sebagai mengesahkannya sebagai individu yang matang dan melalui gelaran ini juga akan mempertingkatkan statusnya dalam masyarakat. Secara tidak langsung masuk sami membolehkan seseorang yang melaluinya mengetahui ilmu pengetahuan keagamaan dan bahasa. Selain daripada beberapa disiplin yang

harus diikuti ketika tinggal di wat. Perkara ini penting kerana seseorang yang telah keluar daripada menjadi sami bukan sahaja dapat mendisiplinkan diri mereka tetapi juga dapat mengetahui bahasa Thai. Ini adalah kerana sebahagian besar anggota-anggota komuniti ini hanya mendapat pendidikan formal dalam bahasa Thai.

Seseorang yang masuk sami peringkat pertama dikenali sebagai buadnen. Dengan buadnen, seseorang itu telah menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang anak lelaki untuk melakukan sesuatu kebaikan untuk ibunya yang telah melahirkan dan membesarkannya. Ini adalah sebagai balasan terhadap segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh seorang ibu. Dengan itu dengan masuk sami peringkat pertama atau buadnen, ibu bapa kepada orang yang buadnen itu akan mendapat pahala kerana melahirkannya. Melalui upacara buadnen ini juga seseorang itu boleh melakukan kebaikan (merit) untuk orang yang telah meninggal dunia. Biasanya ia dilakukan oleh seseorang yang baru merasai kematian anggota keluarganya yang lebih tua seperti ibu, bapa, datuk, nenek dan kaum keluarganya yang lain.

Setelah upacara buad nag dilakukan, sami-sami baru akan memasuki institusi wat atau sangha tempatan. Sami menjadi pakar dalam menjalankan hal-hal keagamaan di wat, upacara-upacara lain seperti perkahwinan dan kematian dan juga tempat

upacara lain seperti perkahwinan dan kematian dan juga tempat orang-orang kampung melakukan kebaikan dan juga tempat orang-orang kampung melakukan kebaikan (thambun). Bagi masyarakat keturunan Thai, mereka akan membuat penyerahan makanan dan barang-barang keperluan sami sebagai cara mereka melakukan kebaikan (mer, it). Di dalam komuniti Thai, sami akan menerima makanan dan keperluan-keperluan kebendaan dari orang-orang kampung. Penyerahan makanan dan barang-barang keperluan ini biasanya dilakukan pada hari-hari perayaan seperti Thod Kathina. Barang-barang yang dipersembahkan bukan sahaja barangan makanan tetapi juga kain kuning dan barang-barang keperluan dapur.

Dari segi keagamaan pula, seseorang yang telah menjadi sami dianggap sebagai pemimpin keagamaan dalam komuniti Thai. Sami juga dianggap suci, mulia dan dihormati oleh masyarakat keturunan Thai. Biasanya, upacara masuk sami dijalankan sebelum seseorang itu berkahwin dan menjangkau usia dua puluh satu tahun.

Individu yang telah menjadi sami dianggap lebih matang dan bersedia memikul tanggungjawab keluarga. Justeru itulah, ibu bapa biasanya akan memilih lelaki yang mempunyai gelaran tersebut (nen). Ini adalah kerana orang-orang yang telah menjadi sami dianggap telah matang (suk) dan orang-orang yang

belum menjadi sami dianggap sebagai mentah (dip). Selain daripada gelaran nen, gelaran-gelaran lain juga diberi seperti Luang Pho untuk sami yang seusia dengan bapa dan Luang Phi untuk sami yang seusia dengan abang.

Walau bagaimanapun, bagi seseorang yang ingin menjadi sami, terdapat beberapa perkara yang harus difikirkannya. Contohnya pekerjaan seseorang individu itu, faktor masa dan keluarganya. Bagi kakitangan kerajaan masa cuti yang boleh diambil adalah agak panjang iaitu dari seminggu hingga sebulan. Bagi orang-orang yang bekerja sendiri pula, seseorang itu harus memilih masa yang sesuai kerana keluarganya mungkin memerlukan bantuannya di dalam mengerjakan sawah atau kebun.

Faktor belanja juga harus difikirkan kerana upacara masuk sami memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi iaitu lapan puluh ringgit ke atas bagi seorang individu. Bagi seseorang yang tidak mampu, anggota-anggota komuniti akan menjalankan kutipan derma kilat. Walau bagaimanapun terdapat juga orang-orang perseorangan yang biasanya terdiri daripada orang yang tidak mempunyai anak lelaki yang sanggup menanggung perbelanjaan. Oleh itu, orang yang menanggung segala perbelanjaan upacara buad nag dikenali sebagai chao phab. Ibu bapa atau keluarga yang membiayai sepenuhnya upacara buad nag juga dikenali sebagai chao phab. Orang-

orang yang menanggung perbelanjaan ke atas ritual buad nag dan juga orang-orang kampung yang membantu di dalam ritual buad nag telah melakukan kebaikan dan menimbun pahala.

Orang-orang yang masuk sami dikehendaki tinggal di wat, untuk beberapa waktu untuk mempelajari ayat-ayat dalam Bahasa Pali yang perlu dilafazkan dalam upacara buadnen dan buad prak di samping mempelajari ayat-ayat suci (suad mon).

Ada juga wanita-wanita Thai yang menjadi sami yang dikenali sebagai me chii tetapi bilangannya tidak ramai. Me chii biasanya terdiri daripada kelangan wanita yang sudah tua ataupun bagi wanita yang membayar masanya. Sami-sami wanita berpakaian putih dan ada yang membotakkan kepala mereka. Ada juga me chii yang tidak membotakkan kepala mereka dan mereka dikenali sebagai Chii phram. Sami-sami wanita akan tinggal di wat tapi tidak memainkan peranan penting di dalam hal-hal keagamaan sebagaimana seorang sami Buddha.

3.2 STRUKTUR BAHASA

Menurut Golomb yang juga telah mengkaji mengenai pertuturan orang-orang Thai di Kelantan,

..., most of the cultural innovations absorbed by local Thais since their settlement in the Kelantan region have been introduced in contexts where Malay was the medium of communications. Thus, for instance local Thai words for

technological, political and commercial concepts have often been adopted directly from Malay.

(Golomb, 1978 : 150)

keadaan yang sama juga telah berlaku di Kampung Simpang Empat dan di antara perkataan-perkataan Melayu yang digunakan dalam pertuturan seharian adalah jam (bahasa standard Thai adalah nalika) dan dinat (nenas dalam bahasa Melayu dan saparot dalam bahasa standard Thai). Dengan itu orang-orang Thai mempunyai struktur bahasa yang tersendiri dan dapat membezakannya dengan penduduk-penduduk di sekitarnya.

Bagi orang-orang Thai yang agak berumur mereka masih mengekalkan dan menggunakan bahasa Melayu dengan pelat Thai. Apabila mereka berbicara dengan orang-orang Melayu yang menggunakan loghat Kedah akan terdapatlah perbezaan sebutan: Contohnya:-

tujuh akan disebut tuyuh

jalan akan disebut yalan

bujang akan disebut buyang

Keadaan sedemikian terjadi kerana dalam Bahasa Thai tidak ada perbezaan makna apabila seseorang penutur menggunakan samada konsonan /j/ atau (y).

Di dalam penggunaan bahasa Thai juga terdapat beberapa perbezaan di dalam sistem panggilan. Contohnya penggunaan man atau dia adalah lebih kasar dan selalunya ia digunakan untuk merujuk kepada orang-orang yang sebaya dengan penuturnya. Kee merupakan perkataan yang lebih elok digunakan dan lebih sedap bunyi bahasanya. Ia digunakan untuk merujuk kepada orang-orang yang lebih tinggi darjatnya atau lebih tua daripada penuturnya. Contohnya: bapa, emak, pakcik, makcik, dan sebagainya. Manakala bagi sami Buddha pula, perkataan acan, nen, luang pho, luang phi digunakan kerana terdapat perbezaan darjat di antara orang-orang biasan dengan orang-orang yang menjadi sami.

Menurut Golomb bahasa Thai di Malaysia dan bahasa Thai standard mempunyai beberapa persamaan dan segi fonemi tetapi terdapat sedikit perbezaan dari segi huruf vokal dan konsonan dan juga perbezaan dari segi nada. Menurutnya bahasa Thai standard mempunyai lima nada manakala bahasa Thai di Malaysia mempunyai tujuh tetapi pembahagian dari segi nadanya tidaklah berbeza:

1. ?aw, in both local dialects - mens "bring" or "take" and can be used with human or on-human objects. In other dialects of Thai, phao must be used instead of ?aw for human objects. Here, then content of

semantic category represent by the lexeme ʔaw has been extended to

encompass the meaning of phaa. Phaa is seldom used by local Thais.

2. lee and duu are nearly synonymous terms meaning "to look at; watch at, see" in both dialects. But whereas the Standard Thai lee is used much less frequently and almost always in combination with duu (e.g. lee duu, duu lee) or some other synonym for stylistic effect, the Kelantanese Thai lee is the most commonly used simple word representing the above meaning. The Standard Thai equivalent of local Thai lee is simply duu.

(Golmb: 1978:149).

Perhubungan yang saling menghormati merupakan elemen penting dalam kehidupan sosial Thai. Perbendaharaan kata yang lengkap digunakan untuk menerangkan rasa penghormatan, rasa kekitaan atau perhubungan yang mesra, keramahan atau menunjukkan rasa rendah diri. Perkataan yang menunjukkan rasa hormat iaitu dengan menggunakan gelaran-gelaran tertentu digunakan apabila berinteraksi dengan orang-orang yang bukan saudara. Sebagai contohnya, seseorang itu akan memanggil orang-orang yang tua sebagai Photen (datuk) dan me ten (nenek). Pho dalam bahasa Thai bermaksud bapa dan Me bermaksud emak. Dengan kawan-kawan mereka akan memanggil phi

*Tidak semua orang-orang Thai di Malaysia menggunakan Pho Ten atau Me Ten. Pho Ten dan Me Ten digunakan di Simpang Empat, Baling. Merujuk kepada datuk dan nenek di sebelah ibu. Ada juga yang menggunakan Ta (Datuk) dan Yai (nenek) atau Pho Thau dan Me Thau.

untuk abang atau kakak dan nong untuk adik sebagai menunjukkan perhubungan yang saling menghormati dan rapat atau mesra. Walau bagaimanapun perkataan ku (Aku) dan meng (Hang/Engkau) tidak elok digunakan apabila berbicara dengan orang-orang yang lebih tua dari penutur atau dengan orang-orang yang di luar daripada lingkungan keluarga penutur.

3.3 STRUKTUR KELUARGA

Orang-orang Thai di Simpang Empat mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli-ahli keluarganya. Hubungan yang rapat juga ujud dengan sanak saudaranya samada di sebelah ibu atau ayah. Orang-orang Thai memanggil sanak saudara yang dekat sebagai phi nong khae dan sanak saudara yang jauh sebagai phi nong krai. Bagi mereka yang mempunyai keluarga di Thailand, mereka masih mengekalkan hubungan dengan ziarah-menziarahi sesama mereka sekurang-kurangnya setahun sekali. Sejak kecil lagi orang-orang Thai telah diajar untuk berkelakuan dengan baik dan menghormati orang-orang yang lebih tua dari mereka. Mereka menggunakan sistem panggilan tertentu apabila berinteraksi dengan ibu bapa dan sanak-saudara mereka. Contohnya, mereka memanggil Pho untuk ayah, Me untuk ibu, Na untuk emak saudara atau bapa saudara (adik kepada emak atau bapa), Pa (untuk saudara perempuan tua ayah atau ibu). Sistem panggilan ini juga digunakan apabila mereka berinteraksi dengan orang lain yang bukan merupakan ahli keluarga mereka sebagai menunjukkan rasa hormat mereka. Apabila seseorang yang lebih muda berinteraksi dengan orang yang lebih tua daripada mereka, orang yang lebih muda

selalunya membahasakan dirinya dengan nama panggilannya.

Contohnya:

Ta cak an nangsui atau Ta hendak baca buku. (Ta merupakan nama panggilan bagi Sunita)

Walau bagaimanapun ada juga yang membahasakan dirinya sebagai chan apabila bercakap dengan orang yang lebih tua dari mereka.

Di Kampung Simpang Empat, ahli-ahli keluarga yang terdiri daripada datuk, nenek, ibu saudara dan bapa saudara akan tinggal berdekatan di antara satu sama lain. Keadaan ini sudah beransur-ansur berubah memandangkan ramai orang-orang Thai yang tinggal di Simpang Empat telah keluar bekerja dan menetap di bandar. Walau bagaimanapun mereka masih pulang ke kampung mereka untuk menjenguk orang tua mereka dan juga pada hari-hari keramaian atau kematian.

Di dalam Kampung Simpang Empat terdapat dua jenis keluarga iaitu i) keluarga asas ii) keluarga luas.

- i. Keluarga asas terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak mereka. Enam puluh peratus daripada isi rumah dalam komuniti Thai di Simpang Empat terdiri daripada keluarga jenis ini. Keluarga jenis ini ujud kerana pasangan-pasangan yang telah berkahwin akan tinggal berasingan dari keluarga mereka. Mereka mungkin akan

tinggal di dalam kampung yang sama hasil daripada perkahwinan endogamy ataupun menetap di kampung lelaki atau perempuan hasil daripada perkahwinan exogamy.

- ii. Keluarga luas pula terdiri lebih daripada satu keluarga nuklear seperti generasi yang pertama iaitu ibu bapa kepada ego dan pasangannya, ego dan pasangannya dan ego dan anak-anaknya.

Orang-orang Thai mengamalkan prinsip 'equility' di dalam sistem perwarisan di mana semua anggota dalam keluarga mempunyai hak yang sama terhadap harta tidak kira lelaki ataupun perempuan. Sekiranya ibubapa meninggal dunia, maka anak yang sulung akan mengambil peranan sebagai penjaga kepada harta benda itu sehingga ianya dibahagi-bahagikan di kalangan anggota-anggota keluarga.

Masyarakat Thai juga mementingkan nama keluarga atau nam-sakun kerana ia merupakan identiti keluarga yang asas. Perwarisan nama keluarga dibuat menerusi pihak lelaki iaitu dari bapa ke anak-anaknya. Bagi wanita pula, mereka akan menggunakan nam-sakun suaminya selepas berkahwin. Nam-sakun dalam masyarakat Thai lebih merupakan satu petunjuk untuk memberikan identiti keluarga. Berbeza dengan orang-orang Cina, nam sakun bagi orang-orang Thai biasanya terletak di belakang nama pertama. Contohnya nama Chulaphorn Koammapart,

Chulaphorn merupakan nama pertamanya manakala Koammapart merupakan nam sakunnya atau nana keluarganya.

Orang-orang Thai juga biasanya mempunyai nama panggilan yang lebih pendek sebutannya. Nama panggilan atau che len akan digunakan di dalam pertuturan seharian. Contohnya nama Chulaphern akan dipanggil Chula sahaja. Tidak semua orang yang akan memendekkan nama asal. Ada juga mempunyai nama panggilan yang berbeza sama sekali daripada nama asalnya seperti khesrin akan dipanggil Id, dan Sunirat akan dipanggil Ed sahaja dan ia tidak mempunyai perkaitan dengan nama asalnya.

Adalah perlu bagi sesebuah keluarga bertindak sebagai tempat perlindungan bagi menghadapi kemungkinan berlakunya kejadian yang tidak diinginkan dan juga sebagai tempat seseorang itu menunjukkan kasih sayang dan rasa hormat. Di dalam setiap rumah orang-orang Thai, ayah bertindak sebagai pemimpin dan penjaga, ibu pula memainkan peranan sebagai pembantu di dalam hal-hal kewangan dan juga mempunyai hak di dalam keputusan yang dibuat di dalam sesebuah keluarga. Di Kampung Simpang Empat, bagi orang-orang yang bersawah dan memotong getah, pada kebiasaannya suami dan isteri akan sama-sama pergi ke sawah dan bantu membantu di antara satu sama lain. Jika mereka mempunyai anak kecil, mereka akan

meninggalkannya buat sementara dengan dijaga oleh anak meeka yang tua, nenek ataupun saudara mara.

Proses sosialisasi untuk menjadikan orang-orang Thai sebagai orang dewasa yang bertanggungjawab dan pandai membawa diri apabila keluar bekerja di tempat lain telah bermula sejak kecil lagi. Kanak-kanak yang berketurunan Thai telah diajar untuk menghormati orang tua dan tahu akan kedudukan mereka di dalam hirarki sesebuah keluarga sejak kecil lagi. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada sistem panggilan yang digunakan apabila mereka bertutur dengan orang yang lebih dewasa lagi. Perbezaan di antara khon ke (orang tua) dan khon num (orang muda) memperjelaskan lagi jarak yang wujud di antara ibu bapa dan anak-anak dan juga dengan orang-orang lain yang berbeza umur. Peranan dan kedudukan seseorang di dalam sesebuah keluarga penting kerana ia membolehkan seseorang kanak-kanak itu menentukan corak perhubungan mereka dengan orang-orang luar apabila mereka telah dewasa kelak.

Perasaan tanggungjawab dalam komuniti Thai juga telah diajar sejak kecil lagi. Kanak-kanak dari kecil lagi sudah tahu akan kerja-kerja yang harus dilakukan seperti kerja-kerja memberi makan ayam, itik dan babi (pemeliharaan babi sudah berkurangan sekarang) atau menjaga adik-adik apabila ibu bapa pergi bekerja di sawah atau kebun getah. Biasanya anak-anak mereka diberi peluang untuk memberi pendapat mereka

berkaitan dengan hal-hal yang dibincangkan di dalam rumah tangga.

Salah satu daripada tanggungjawab orang-orang Thai yang penting ialah menjaga kedua ibu bapa yang sudah tua. Ini berikutan daripada perasaan tanggungjawab dan kasih sayang mereka terhadap orang yang lebih tua. Lebih-lebih lagi ibu bapa mereka. Pada kebiasaannya bagi orang-orang lelaki dan wanita Thai yang telah tua, mereka tidak perlu risau akan tempat tinggal mereka kerana mereka akan dilindungi dan dijaga oleh anak-anak mereka. Bagi orang-orang Thai, ibu bapa mereka boleh memilih sendiri samada hendak tinggal dengan anak perempuan atau lelaki tidak seperti kaum-kaum lain terutamanya Cina dan India. Perasaan kasih sayang yang telah diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi telah mendapat balasan balik dengan kesetiaan dan ketaatan yang ditunjukkan oleh anak-anak mereka apabila ibu bapa mereka telah tua kelak.

Di Simpang Empat dan di mana-mana kampung di Baling, kaum wanita dan kaum lelaki Thai akan sentiasa bertindak berganding samada ketika membuat kerja ataupun ketika memberikan pendapat mereka. Orang-orang lelaki bertindak sebagai ketua rumah dan isteri mereka bertindak sebagai penolong. Dari segi sosial, pada umumnya wanita-wanita Thai tidak bergerak jauh dari kampung mereka. Mereka akan pergi

bekerja di sawah atau kebun getah, melawat saudara mara atau sahabat handai yang berada berdekatan dengan rumah mereka dan sekali-sekala mereka akan pergi ke wat Thai di kampung-kampung lain apabila adanya keramaian. Adalah tidak elok bagi seseorang wanita Thai yang tinggal di kampung untuk keluar pada waktu malam (kecuali pada hari keramaian) dan berkelakuan biadap. Seperti yang telah diterangkan di atas, orang-orang Thai telah diajar untuk bersopan santun sejak kecil lagi. Perkataan sawaddi diucapkan ketika orang-orang yang lebih muda bertemu dengan orang-orang yang lebih tua. Cara orang-orang Thai melakukan sawaddi ialah dengan merapatkan kedua tapak tangan dan meletakkannya di hadapan dada. Perkataan sawaddikrap digunakan oleh orang-orang lelaki dan sawaddika digunakan oleh orang-orang perempuan. Ucapan sawaddi tidak hanya digunakan di Thailand tetapi juga di Simpang Empat, Kedah dan di tempat-tempat lain yang mempunyai orang berketurunan Thai di Malaysia.

Pada masa dahulu perkahwinan adalah diaturkan oleh ibubapa dan biasanya perkahwinan berlaku dengan saudara-mara mereka sahaja. Kaum wanita pada masa dahulu tidak dibenarkan untuk berjalan jauh. Oleh itu wanita-wanita Thai akan tinggal di rumah ataupun pergi menolong ibu bapa ke sawah dan kebun getah. Bagi orang-orang Thai, seorang wanita yang sempurna haruslah pandai mengemas, memasak dan berbudi bahasa tinggi.

Walau bagaimanapun wanita-wanita Thai pada masa kini ada yang telah berpelajaran tinggi, sekurang-kurangnya setakat tingkatan lima dan bekerja di jabatan kerajaan atau swasta. Walaupun telah berlaku perubahan dari segi ekonomi dan sosial, wanita-wanita Thai masih teapi berpegang teguh kepada adat dan sopan santun. Dari segi perkahwinan, ada juga wanita-wanita Thai yang gemar memakai pakaian barat tetapi adat Thai masih dikekalkan.

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

BAB 4

HUBUNGAN ETNIK DAN PEMBENTUKANNYA DI DALAM KOMUNITI SIAM

Setelah perbincangan mengenai identiti komuniti Thai dijelaskan di dalam bab dua, bab ini pula akan membincangkan bagaimana orang-orang Thai yang mempunyai agama, bahasa dan kebudayaan yang tersendiri di Kampung Simpang Empat dapat menyesuaikan diri dan diterima oleh masyarakat sekitarnya. Sebelum perbincangan mengenai hubungan sosial di antara komuniti Thai dengan kumpulan etnik lain dijelaskan, perbincangan mengenai hubungan sosial di antara komuniti Thai di dalam Kampung Simpang Empat dan di antara kampung Thai yang lain akan dibincangkan terlebih dahulu.

4.0 HUBUNGAN ETNIK DI DALAM KAMPUNG DAN DI ANTARA KAMPUNG-KAMPUNG SIAM LAIN

Hubungan etnik di antara sebuah kampung Siam dengan kampung Siam yang lain kerap kali berlaku apabila tibanya hari-hari perayaan ataupun kematian saudara mereka yang tinggal di kampung lain. Memandangkan masa mereka yang terhad kerana kebanyakan daripada mereka terlibat di dalam kerja-kerja bersawah dan memotong getah dan mereka juga kekurangan wang, maka lawatan ke kampung-kampung lain tidak dapat dilakukan pada setiap kali. Walau bagaimanapun pada hari-hari perayaan di wat (Ngan Wat), orang-orang Thai dari

kampung-kampung lain seperti Kampung Kalai, Jeniang, Tasek dan sebagaimana juga dengan Kampung Simpang Empat akan pergi bersama-sama meraikan perayaan di wat yang mengadakan sesuatu perayaan itu. Dengan itu wat merupakan sebuah institusi yang sangat penting kepada komuniti Thai kerana melalui wat juga orang-orang Thai dapat bersama-sama membuat kebaikan(merit) dan mereka juga berpeluang untuk berjumpa dengan sanak saudara mereka. Ini adalah kerana pada hari-hari biasa jarang sekali mereka ke kampung lain semata-mata untuk menziarahi sanak saudara mereka kecuali jika berlaku kematian saudara-mara mereka ataupun kenduri kahwin.

Apabila ditanya soalan kepada penduduk-penduduk di Kampung Simpang Empat ke mana mereka hendak pergi semasa perayaan. Hari agama, mereka akan berkata yang mereka hendak pergi Tham Bun atau pergi membuat kebaikan. Di antara tham bun dan perayaan-perayaan yang selalu mereka hadiri ialah Thood Kathin, Songkran (perayaan air), Ching Pret dan upacara pembakaran mayat sami Buddha yang dihormati yang telah disimpan untuk beberapa tahun. Pada kebiasaannya, penduduk dari Simpang Empat akan pergi menyambut perayaan atau pergi tham bun di wat kampung lain apabila wat di dalam kampung mereka sendiri tidak mengadakan keramaian. Perayaan seperti Hari Wesak, sambutan Tahun Baru dan upacara masuk sami (Buad Nag) akan disambut di wat Simpang Empat. Thood kathin dan upacara masuk sami (Buad Nag) juga disambut di beberapa buah

Wat lain di Kedah dan ia membolehkan orang-orang Thai menghadiri seberapa banyak kali yang boleh.

Perayaan Songkran yang disambut pada bulan April, tidak disambut di Wat Simpang Empat tetapi ia disambut di Wat Tasek, Kroh selama tiga malam berturut-turut. Orang Thai di Kampung Simpang Empat mempunyai ramai saudara mara di Tasek dan perjalanan ke sana dengan berkereta mengambil masa lebih kurang tiga puluh minit sahaja. Pada masa perayaan Songkran disambut, bagi muda-mudi yang tidak mempunyai ikatan dengan pekerjaan, mereka biasanya bermalam di sana selama tiga malam samada di rumah sanak saudara ataupun di wat sahaja. Pada hari-hari perayaan, Wat ada menyediakan peralatan seperti tikar dan bantal kepada orang-orang yang ingin bermalam di wat. Biasanya pada hari-hari perayaan seperti ini, muda-mudi Thai tidak tidur pada waktu malam kerana mereka banyak menghabiskan masa dengan berbual-bual sambil menonton wayang kulit sehingga ke waktu subuh. Selain daripada persembahan wayang kulit, mereka juga dihiburkan dengan nyanyian dan tarian daripada kumpulan yang didatangkan dari Thailand.

Di Simpang Empat, Baling pada setiap 31hb Disember, orang-orang Thai di situ akan membuat persiapan untuk menyambut Tahun Baru. Pada hari itu, Wat Simpang Empat akan dihiasi dengan bendera-bendera kecil yang cantik dan beberapa

orang pemuda dan pemuda dari kampung yang sama akan bergotong-royong membersihkan halaman Wat dan membuat pentas. Bagi golongan yang agak berumur pula mereka akan berada di dapur (yu krua) untuk memasak dan menghidangkan makanan kepada sami-sami dan orang-orang biasa. Penduduk kampung akan membawa bersama-sama mereka sayur-sayuran, beras dan ulam-ulaman dari rumah mereka dan barang-barang yang dibeli akan diambil daripada wang tabungan wat. Pada hari itu ramai orang-orang Thai daripada kampung-kampung yang lain akan datang untuk bersama-sama meraikan perayaan Tahun Baru. Walau bagaimanapun kedatangan mereka tidaklah sehebat perayaan-perayaan lain seperti Songkran dan upacara pembakaran mayat sami Buddha yang meninggal memandangkan di Wat-Wat lain di Kedah pun turut meraikan perayaan tersebut.

Di Wat Sri Maha Pho, pertunjukkan wayang kulit dan manoora sudah berkurang dan ia kini digantikan dengan pertunjukkan pentas oleh penduduk-penduduk kampung itu sendiri. Setiap perayaan selalunya akan dimulakan dengan sembahyang dan kemudian tak bhat (memberi makanan yang berupa nasi dan bahan-bahan makanan lain kepada sami yang berdiri dengan memegang sebuah mangkok yang berwarna hitam yang dikenali sebagai bhat dalam bahasa Thai). Tak Bhat merupakan satu kemestian dan ia merupakan salah satu cara dalam membuat kebaikan. Orang-orang Cina dan India yang beragama Buddha juga turut bersama-sama bergembira dengan orang-orang Thai di

dalam setiap perayaan dan mereka juga banyak membuat kebaikan atau tham bun di wat yang mereka kunjungi itu dengan menyumbangkan wang dan beberapa peralatan dapur. Semasa Thood Kathin, orang-orang Cina banyak menyumbangkan wang, kain kuning, yang digunakan oleh sami, barang-barang dapur seperti beras, gula, garam, mee dan lain-lain lagi.

Pertunjukkan mancora samada yang didatangkan daripada Thailand ataupun mancora tempatan sudah berkurangan sekarang dan ia boleh dikatakan tidak dipentaskan semasa perayaan di wat Siam. Begitu juga dengan pertunjukan wayang kulit. Di Simpang Empat, pertunjukkan mancora akan dipersembahkan pada hari perkahwinan sahaja. Adat untuk mempersembahkan mancora dalam majlis perkahwinan tidak diperlukan oleh semua orang. Hanya orang-orang yang tertentu sahaja yang dikatakan mempunyai keturunan mancora (yang diperturunkan dari generasi ke generasi) sahaja akan membuat persembahan mancora.

Di dalam persembahan mancora, watak-watak seperti hero, heroin dan pelawak adalah penting dalam membuat penonton tertarik dnegan persembahan mereka. Mancora yang dipersembahkan semasa majlis perkahwinan adalah mancora dari Baling sendiri. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Thai yang dicampur-adukkan dengan bahasa Malaysia loghat Kedah untuk menjadikannya lebih menarik.

Majlis perkahwinan adalah satu cara bagaimana orang-orang Thai dari kampung-kampung lain datang bersama-sama untuk menjalinkan perhubungan dengan sanak-saudara yang sudah lama tidak berjumpa dan juga bagi mereka berjumpa dengan rakan-rakan mereka bagi mengeratkan lagi hubungan di antara mereka. Di Simpang Empat pernah berlaku peristiwa di mana sahabat handai pengantin lelaki sejauh negeri Kelantan (Kampung Siam) datang untuk menghadiri majlis perkahwinan. Orang-orang Thai selalunya akan bergembira sesama sendiri dengan minuman keras seperti beer dan ada juga di antara mereka yang membeli sejenis minuman keras dari negara Thai yang dipanggil me khong. Me khong adalah sejenis minuman yang amat popular bukan sahaja di Thailand tapi juga di kalangan orang-orang Thai di Malaysia. Minuman tuak atau nam dot pernah menjadi satu minuman yang popular di Simpang Empat dalam setiap perayaan pada satu ketika dahulu tetapi ia agak berkurangan sekarang kerana tidak ada orang yang membuatnya. Walau bagaimanapun, di kampung-kampung Thai yang lain di Kedah, ia masih lagi menjadi minuman utama mereka bila tibanya hari-hari perayaan.

Biasanya pada hari-hari keramaian seperti perkahwinan atau kematian, akan dihadiri oleh orang-orang kampung atau sanak-saudara dan sahabat-sahabat mereka dari kampung yang lain. Sekiranya satu keluarga yang dijemput tidak dapat hadir, beliau akan menghantar wakil iaitu samada anak-anak

atau suami sahaja sekiranya isteri tidak dapat hadir dan begitulah sebaliknya. Orang yang tidak dapat hadir akan memberi hadiah kepada wakilnya seperti wang, beras atau baran-barang lain kepada orang yang mengadakan keramaian itu. Biasanya semasa keramaian, tetamu yang hadir akan memberi wang kepada tuan rumah itu.

4.1 HUBUNGAN ETNIK DI ANTARA KOMUNITI SIAM DENGAN MASYARAKAT MELAYU DAN CINA

Adalah sukar untuk memberikan satu definisi yang tepat mengenai integrasi. Seperti yang diperkatakan oleh Tan Chee Beng, (1984:202).

It is difficult to define 'integration'. At the very least, it must bring together different ethnic groups so that they share a common national identity and are united as the people of the nation. In general, there are two ways of achieving national integration - through accomodation and through assimilation.

Dari pernyataan tersebut nyatalah bahawa integrasi di antara komuniti Siam dengan kumpulan etnik yang lain di Kampung Simpang Empat boleh dicapai apabila terdapatnya penyesuaian dan asimilasi antara penduduk kampung dengan penduduk di sekitarnya. Kebolehan orang-orang Thai di Kampung Simpang Empat bertutur di dalam bahasa Melayu loghat Kedah dan bahasa Cina dialek hokkien merupakan satu bukti yang menunjukkan orang-orang Thai bukanlah merupakan satu masyarakat yang memencilkan diri dan tidak bergaul

dengan orang-orang dari keturunan lain. Walaupun masyarakat Thai tinggal di kawasan pedalaman, perhubungan mereka dengan kaum keturunan lain terus ujud dan dikekalkan. Malah terdapat beberapa perkataan yang dicampur-adukkan dengan bahasa Melayu seperti kopi, pla taman (ikan tamban) jam, dan lain-lain lagi.

Selain daripada bahasa yang menjadi bukti akan ujudnya perhubungan etnik, makanan yang dimasak oleh orang-orang Thai tidak jauh bezanya dengan masakan yang dimasak oleh orang-orang Melayu dan Cina. Orang-orang Thai di Simpang Empat contohnya menggunakan beberapa unsur rempah seperti ketumbar dan kulit kayu manis untuk menambahkan kelazatan dan keharuman masakan mereka. Bahan-bahan rempah tidak begitu digemari oleh orang-orang Thai dari Thailand tetapi amat digemari oleh orang-orang Thai di Malaysia. Orang-orang Thai juga memasak sejenis sup yang seakan-akan sup yang dimasak oleh orang-orang Cina dan memanggilnya dengan panggilan theng yang sama panggilannya dengan orang-orang Cina. Cara memakan makanan juga telah diadaptasikan dengan kebudayaan tempatan di mana pada kebiasaannya orang-orang Thai di Thailand memakan dengan menggunakan sudu tetapi orang-orang Thai di Simpang Empat memakan dengan menggunakan tangan dan begitu juga dengan orang-orang Thai di kawasan-kawasan lain di Kedah lebih gemar menggunakan tangan.

Dari segi pakaian, orang-orang Thai juga memakai pakaian seperti yang dipakai oleh orang-orang Melayu iaitu kain pelikat bagi orang-orang lelaki dan kain batik bagi wanita-wanita Thai yang agak berumur. Walaupun ramai gadis-gadis Thai yang gemar kepada pakaian yang bercorak kebaratan seperti seluar jeans, T-shirt, kemeja dan sebagainya, tetapi apabila tiba hari perayaan beberapa orang gadis Thai akan memakai kain sarung Thai yang coraknya berjalur-jalur ke wat. Bagi wanita-wanita Thai yang tua pula, baju mereka seakan-akan dengan baju kebaya yang agak ketat tetapi lengan baju yang membezakannya dari baju kebaya di mana lengan baju orang-orang Thai ada yang pendek. Apabila wanita-wanita tua ke wat, mereka akan memakai baju itu dengan kain sarung batik atau kain sarung Thai. Sekiranya mereka berada di rumah, kain batiklah yang menjadi pakaian kegemaran mereka. Ada orang yang menyatakan perbezaan antara orang-orang Melayu dan orang-orang Thai dapat dilihat daripada corak bajunya sebab orang-orang Melayu di Kedah memakai baju Kedah atau baju kurung sementara orang-orang Thai memakai baju yang berbeza sedikit (seperti yang telah disebutkan di atas). Ini adalah kerana orang-orang Thai mempunyai rupa paras yang agak sama dengan orang-orang Melayu.

Dari segi bahasa, bagi pelajar-pelajar Thai pula mereka mempelajari Bahasa Malaysia secara formal di sekolah dan juga melalui pergaulan dengan rakan-rakan sekolah mereka. Menurut

pelajar-pelajar ini, bahasa Melayu menjadi bahasa utama apabila mereka berinteraksi dengan orang Melayu, bahasa Cina (Hokkien) digunakan apabila mereka berinteraksi dengan pelajar-pelajar Cina manakala bahasa Thai pula digunakan apabila mereka berinteraksi dengan pelajar-pelajar Thai. Bahasa Inggeris yang digunakan dan ia digunakan pada masa pelajaran bahasa Inggeris sahaja. Perhubungan antara pelajar-pelajar adalah baik tetapi pelajar-pelajar lebih suka bergul dengan kaum mereka sendiri terutamanya pada waktu rehat. Menurut mereka lagi, apabila tibanya Hari Guru atau Hari Ucapan, pelajar-pelajar Melayu yang akan membuat persediaan makanan kerana pada kebiasaannya mereka tidak akan memakan makanan yang dimasak oleh orang-orang Cina dan orang-orang Thai. Pelajar-pelajar Thai juga akan menziarahi rakan-rakan sekolah mereka bila tibanya hari-hari perayaan seperti Hari Raya dan begitu juga dengan pelajar-pelajar Cina.

Bagi belia-belia Thai pula, mereka tidak akan melepaskan peluang untuk bermain beberapa permainan seperti sepak takraw dan bola sepak bersama-sama dengan belia-belia Melayu di padang Dewan Tunku Abdul Razak. Penulis tidak pernah melihat belia-belia Melayu datang bermain bersama dengan belia-belia Thai di padang Wat Sri Maha Pho tetapi sekiranya mereka hendak bermain, mereka akan pergi ke Dewan Tunku Abdul Razak yang terletak di Pekan Baling.

Perhubungan etnik di kampung Simpang Empat Baling juga boleh ditinjau dari segi perhubungan dan interaksi yang berlaku sesama pekerja di tempat-tempat kerja mereka. Contohnya di kilang, di sekolah, di sawah, kebun dan sebagainya lagi. Sawah dan kebun getah orang-orang Thai terletak berdekatan dengan sawah dan kebun getah orang-orang Melayu. Oleh itu interaksi di antara mereka ujud semasa mereka mengerjakan sawah atau semasa mereka memotong getah. Perhubungan dari segi ekonomi ini juga ujud semasa orang-orang Thai menjual susu getah dan beras kepada tauke Cina dan Melayu di Pekan Baling. Terdapat seorang Thai yang bertindak sebagai orang tengah di mana setengah daripada penoreh-penoreh getah di Simpang Empat akan menjual susu getah kepada beliau dan orang tengah itu seterusnya akan menjual susu getah kepada tauke Cina di Pekan Baling.

Selain daripada perhubungan etnik yang ujud dari segi ekonomi, perhubungan etnik juga melibatkan perhubungan dan interaksi dengan anggota etnik lain ketika mereka melakukan kegiatan mereka iaitu antara guru dengan murid, doktor dengan pesakit, majikan dengan pekerja dan sebagainya lagi. Dengan itu hubungan etnik di kampung Simpang Empat berlaku di mana-mana sahaja samada di sekolah, di bank, hospital, pejabat-pejabat kerajaan dan sebagainya lagi.

Kedai runcit yang terdapat di Kampung Simpang Empat juga telah digunakan oleh orang-orang Melayu yang tidak berpuasa pada bulan Ramadhan untuk membuka puasa mereka. Pada bulan Ramadhan, beberapa orang lelaki yang berketurunan Melayu samada dengan menaiki basikal, motosikal atau kereta akan memberhentikan kenderaan mereka di situ untuk minum ataupun menghisap rokok. Walau bagaimanapun orang-orang Thai memandang perkara ini sebagai satu perkara biasa sahaja dan mereka juga tidak melapurkannya kepada pihak berkuasa seperti yang diperkatakan oleh Buridge, (Golomb:102),

... any wrong doing is the individual's own and is a matter to be settled between the sinner and God.

Menurut Lung Ngai iaitu bekas ketua kampung Simpang Empat, sahabatnya yang beragama Islam telah memberitahunya bahawa dengan membuka puasa sebelum tiba waktunya, beliau telah membuat tiga dosa iaitu:

- i. dosa kepada Tuhan
- ii. dosa kepada anak, isteri dan kaum keluarganya
- iii. dosa kepada kawan-kawan kerana telah membohongi mereka dengan mengatakan mereka berpuasa tetapi sebenarnya mereka telah membuka puasa.

Oleh kerana sikap orang Thai yang tidak memperdulikan hal orang lain lebih-lebih lagi orang Melayu, maka orang

Melayu mengatakan bahawa bubungan mereka dengan orang-orang Thai dalah baik dan pergaduhan di antara mereka tidak pernah berlaku. Mereka juga mengatakan bahawa orang-orang Thai merupakan orang-orang yang sukakan kedamaian dan ketenteraman.

Selain daripada itu, ujud juga perhubungan sambil lalu di antara orang Thai dengan orang-orang Cina dan Melayu di mana mereka akan bertegur sapa dan berbual-bual sebentar dengan bertanya perkara-perkara biasa ketika mereka bertemu. Perjumpaan begini adalah secara kebetulan sahaja, misalnya semasa membeli belah di pekan Baling, di kedai kopi, di hospital dan sebagainya. Orang-orang Melayu yang lalu lalang di Simpang Empat untuk balik ke rumah mereka di Batu Tujoh akan bertegur sapa dengan orang-orang Thai yang mereka kenali.

Integrasi di antara orang-orang Thai, Cina dan Melayu dapat dilihat semasa mereka bersama-sama pergi berburu babi hutan. Ini adalah kerana sekiranya orang-orang Thai bersama-sama mereka, orang-orang Thai boleh mengangkat bangkai babi hutan untuk dibawa balik. Jika tidak orang-orang Melayu sendiri yang terpaksa menanam bangkai babi hutan sekiranya babi hutan yang ditembak itu berada berdekatan dengan kawasan perumahan orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu sebolehnya ingin menjauhkan diri mereka daripada darah dan

bangkai babi hutan kerana babi hutan adalah merupakan binatang haram bagi mereka. Jika mereka pergi bersama-sama dengan orang-orang Thai, orang-orang Thai akan membayar duit peluru kepada orang Melayu memandangkan babi hutan yang ditembak itu akan dibawa balik oleh orang-orang Thai. Keadaan yang sama juga berlaku bagi orang Cina. Sekiranya orang-orang Thai tidak pergi bersama-sama berburu dan terdapat babi hutan yang mati ditembak oleh orang-orang Melayu, mereka akan memanggil samada orang-orang Thai atau Cina untuk mengambilnya. Dengan itu orang-orang Thai atau Cina akan memberi wang kepada orang-orang Melayu sebagai bayaran peluru. Selain daripada itu, sekiranya lembu orang-orang Melayu mati kerana dilanggar oleh kenderaan, mereka juga akan memanggil orang-orang Thai untuk mengambilnya. Ini adalah kerana selain daripada binatang-binatang haram seperti babi hutan, binatang yang mati akibat kemalangan, ditembak dan juga akibat penyakit adalah binatang yang dipanggil mampus dan tidak boleh dimakan oleh orang-orang Islam.

Semasa orang-orang Thai menyambut perayaan yang diadakan di Wat Simpang Empat, orang-orang Cina yang tinggal di sekeliling Simpang Empat terutamanya di Pekan Baling akan datang bersama-sama meraikan perayaan di Wat. Orang-orang Cina dikatakan telah bermastautin di situ sejak tahun 1800-an lagi dan kebanyakan daripada mereka adalah beragama Buddha Theravada. Malah ada di antara mereka yang berkahwin dengan

orang-orang Thai di Simpang Empat. Oleh kerana itulah terdapatnya keturunan Cina Thai (Cinn Thai) dan mereka juga menyambut perayaan Tahun Baru Cina.

Semasa kenduri perkahwinan, orang-orang Cina dan Melayu akan datang tetapi makanan adalah diasingkan di mana makanan bagi orang Melayu adalah dimasak khas oleh orang-orang Melayu dengan mengupah mereka. Bukan saja makanan dimasak oleh orang-orang Melayu, setiap peralatan seperti pinggan dan mangkuk juga merupakan hak orang Melayu. Ini adalah sebagai tanda penghormatan kepada orang-orang Melayu. Kebanyakan rumah yang mengadakan majlis perkahwinan di Simpang Empat akan mengasingkan masa di antara tetamu Melayu dan Cina iaitu samada orang Melayu pada sebelah pagi dan orang Cina pada sebelah petang dan sebaliknya.

Oleh kerana orang-orang Cina beragama Buddha mereka akan bersama-sama dengan orang-orang Thai melakukan upacara-upacara tertentu seperti sembahyang, rod nammon (renjis air suci), liang phra (menjamu makanan kepada sami) dan sebagainya lagi. Orang-orang Cina selalunya akan menderma wang dan beberapa peralatan dapur kepada Wat sekiranya terdapat upacara thood kathin diadakan. Boleh dikatakan setiap perayaan samada perayaan yang besar atau kecil seperti yang terdapat di dalam kalendar Thai (Hari ugama bagi orang-orang Thai), orang-orang Cina akan datang bersama-sama untuk

melakukan ibadat. Memandangkan orang-orang Cina di Simpang Empat boleh bertutur di dalam bahasa Thai, maka mereka akan menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa perantaraan mereka apabila mereka berinteraksi dengan orang-orang Thai. Orang-orang Cina juga mempunyai pertalian yang erat dengan sami-sami Buddha dalam banyak segi seperti semasa perkahwinan, kematian, semasa rumah baru didirikan dan sebagainya. Orang-orang Cina juga kerap pergi ke wat untuk meminta sami merenjiskan air suci (rod nammon) kepada mereka supaya kehidupan mereka akan sentiasa aman dan terlepas dari perkara-perkara yang buruk.

Selain daripada itu, mereka juga datang untuk mendapatkan tangkal (sin mongkhon) yang dibuat daripada plumbum dan diukir dengan kata-kata daripada bahasa Kemboja Purba yang diambil daripada buku agama suci Buddha. Mereka juga mendapatkan sejenis tangkal atau azimat yang dipanggil khidthamon yang biasanya diikat di pinggang mereka dan ia dipercayai mempunyai kuasa tertentu terutamanya selepas sami membaca doa dan beberapa ayat suci. Walaupun tiada bayaran dikenakan, tetapi orang-orang yang datang terutamanya orang-orang Cina akan memberi wang kepada sami itu. Pemberian wang itu dikira sebagai mendapat pahala (daibun) dan bukannya sebagai pembayaran. Orang-orang Cina juga akan memanggil sami-sami Buddha ke rumah mereka untuk sembahyang mayat (suad kradug) apabila berlakunya kematian.

Sami-sami Thai juga bertindak sebagai pembantu kepada orang-orang Cina apabila terdapatnya orang-orang Cina yang ingin menjadi sami dengan sukarela. Orang-orang Cina menjadi sami hanya untuk beberapa hari sahaja. Sangat sedikit bilangan orang-orang Cina yang menjadi sami dan kemungkinan ia berikutan daripada bahasa yang dipertuturkan di mana kebanyakan daripada orang yang menjadi sami adalah orang-orang Thai dan bahasa yang dipertuturkan adalah bahasa Thai dan juga bahasa yang harus dipelajari iaitu bahasa Pali. Selalunya orang-orang Cina menjadi sami untuk menunaikan nazar mereka.

Bagi orang-orang Melayu pula, mereka akan datang ke wat pada hari-hari perayaan untuk menyaksikan persembahan yang diadakan. Pada beberapa tahun yang lepas orang-orang Thai ada menjemput beberapa orang kenalan mereka termasuklah anggota polis yang terdiri daripada orang Melayu dan Cina untuk makan kuih muih yang dihidangkan di wat pada waktu malam sebelum pementasan bermula. Persembahan yang berbentuk nyanyian dan tarian dipersembahkan oleh samada kugiran Cina yang disewa khas ataupun oleh orang-orang Thai sendiri yang merupakan penduduk-penduduk tempatan Simpang Empat. Persembahan adalah dikawal oleh polis. Persembahan seperti manoora dan wayang kulit sudah berkurangan sekarang dan ia digantikan dengan nyanyian, tarian dan wayang gambar.

Perkahwinan yang wujud di antara orang-orang Thai dengan orang-orang Cina, India dan Melayu juga menunjukkan berlakunya perhubungan etnik di antara mereka. Adalah lebih ramai orang-orang Thai di Simpang Empat berkahwin dengan orang-orang Cina daripada berkahwin dengan orang Melayu. Ini adalah kerana sekiranya seseorang orang Thai berkahwin dengan orang Melayu. Seseorang itu harus menukar agamanya dengan memeluk agama Islam dan juga menukar namanya. Bagi kebanyakan orang-orang Thai, berkahwin dengan orang-orang Melayu samalah seperti terputusnya tali persaudaraan mereka. Walau bagaimanapun di Simpang Empat, terdapat seorang yang telah berkahwin dengan orang Melayu dan menetap di bandar lain tetapi perhubungannya dengan sanak saudaranya masih diteruskan.

Bagi orang-orang Thai yang berkahwin dengan orang-orang Cina pula, perkahwinan mereka tidaklah dihalang kerana mereka masih boleh meneruskan amalan kehidupan dan keagamaan mereka. Ini adalah kerana kebanyakan orang-orang Cina yang berkahwin dengan orang-orang Thai adalah beragama Buddha. Anak mereka selalunya digelar Cinn Thai (Cina Thai) atau Baba dan bagi mereka yang tinggal di perkampungan Siam mereka akan mengamalkan adat Siam. Sama seperti orang-orang Thai yang lain. Kebanyakan daripada anak-anak mereka akan bertutur

di dalam kedua-dua bahas Cina dan Thai di rumah. Contohnya jika seseorang itu berkahwin dengan orang Melayu, mereka mungkin tidak dibenarkan oleh suami atau isteri mereka yang beragama Islam untuk pergi ke wat dan memakan makanan yang dimasak oleh orang-orang Thai memandangkan terdapat makanan yang haram dimakan seperti daging babi tetapi hal ini tidaklah berlaku di kalangan orang-orang Cina. Jika seorang gadis Thai berkahwin dengan orang Cina, si gadis masih boleh pergi ke wat dengan ditemani oleh suami mereka.

Biasanya nama yang diberikan kepada anak-anak mereka adalah mengikut nama sebelah bapa. Sekiranya bapa berketurunan Cina, maka nama anaknya juga berunsur kecinaan dan begitulah dengan orang Inda. Kebanyakan daripada mereka yang berkahwin dengan orang-orang Cina dan Melayu telah bermastautin di tempat lain kerana mengikut suami mereka dan juga kerana pekerjaan mereka.

4.2 HUBUNGAN ETNIK DI ANTARA KOMUNITI SIAM DENGAN KAUM- KAUM YANG LAIN

Orang-orang Thai juga mempunyai hubungan dengan orang Asli yang tinggal di Baling dan tempat tinggal mereka adalah di dalam hutan. Menurut seorang penduduk di situ, pada kira-kira empat puluh tahun dahulu, orang-orang asli akan datang ke rumah-orang Thai apabila tibanya musim menumbuk padi. Pada masa itu mereka akan datang ke rumah orang Thai untuk

menumbuk padi di dalam lesung dan mereka kemudiannya akan diberi wang sebagai upah kepada kerja yang mereka lakukan itu.

Mereka juga akan datang ke wat semasa orang Thai mengadakan upacara Ching Pret. Semasa upacara Ching Pret ini diadakan berbagai-bagai jenis makanan seperti kuih-muih, buah-buahan, gula-gula dan sebagainya lagi akan diletakkan di atas para yang didirikan dengan agak tinggi. Selepas upacara sembahyang orang ramai terutamanya kanak-kanak akan berebut-rebut untuk mendapatkan makanan yang diletakkan di atas para itu. Perbuatan "merebut" inilah yang dipanggil Ching di dalam bahasa Thai. Pada masa dahulu orang asli akan pergi ke rumah orang-orang Thai untuk meminta ketupat semasa perayaan Ching Pret tetapi kini mereka tidak lagi ke rumah orang-orang Thai untuk mendapatkan ketupat. Mereka hanya mendapatkan makanan di Wat Siam sahaja.

Manakala hubungan etnik di antara orang-orang Thai dengan kumpulan etnik India berlaku setiap masa iaitu di kedai runcit, pekan, sekolah, hospital dan lain-lain lagi. Di Simpang Empat terdapat sebuah rumah orang India sahaja dan perhubungan di antara orang-orang Thai dengan orang-orang India adalah sama seperti perhubungan di antara orang-orang Thai dengan orang-orang Cina.

Perkahwinan di antara orang-orang Thai dengan India tidak mendapat tentangan daripada orang-orang Thai. Ini adalah kerana kebanyakan orang-orang India adalah beragama Hindu dan perkahwinan dengan orang-orang yang beragama Hindu masih lagi membolehkan seseorang itu meneruskan amalan kehidupan dan agama mereka. Di Simpang Empat terdapat dua orang yang telah berkahwin dengan orang India dan salah seorang daripada mereka masih menetap di situ memandangkan lelaki India itu bekerja di Baling.

Orang India juga membuat kebaikan (Tham Bun) sama seperti yang dibuat oleh orang-orang Thai dan Cina. Malah bagi wanita Thai yang berkahwin dengan orang India, wanita itu masih boleh pergi ke wat dengan ditemani oleh suaminya.

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan ke atas komuniti Thai di Kampung Simpang Empat, Baling Kedah. Dari kajian yang dibuat didapati bahawa orang-orang Thai di Simpang Empat masih lagi mengekalkan identiti Thai mereka terutamanya di dalam soal-soal yang berkaitan dengan keagamaan seperti masuk sami buad nag, membuat kebaikan tham bun, bahasa dan juga dari segi proses sosialisasi.

Bagi orang-orang Thai, identiti mereka selalunya dikaitkan dengan agama Buddha sebagaimana dengan orang-orang Melayu yang mengaitkan identiti mereka dengan uagama Islam. Uagama Buddha biasanya dikaitkan dengan masuk sami buad nag bagi kaum lelaki. Walaupun ramai orang-orang Cina yang menganut agama Buddha Therarada tetapi sangat kecil bilangannya menjadi sami dan mengalami proses penukaran taraf (rite de passage) seperti mana orang-orang Thai.

Wat pula merupakan satu institusi yang penting bagi orang-orang Thai untuk melakukan kebaikan tham bun. Di wat inilah orang-orang Thai berpeluang untuk berjumpa dengan rakan-rakan dan saudara mara mereka yang jauh bagi mempererat lagi tali persahabatan dan persaudaraan mereka.

Melalui tham bun juga orang-orang yang datang akan membuat derma yang terdiri daripada wang, beras, barang-barang makanan dan peralatan dapur kepada wat. Oleh itu ujudnya hubungan timbal-balik di antara wat dan dengan orang-orang yang membuat kebaikan tham bun di mana wat akan mendapat wang dan lain-lain barang secara pendermaan daripada orang ramai dan ini membolehkannya meneruskan fungsinya sebagai institusi keagamaan yang penting. Bagi orang ramai yang membuat kebaikan pula, mereka akan mendapat rahmat dan pahala dai bun.

Selain daripada upacara-upacara yang berkaitan dengan keagamaan yang dapat mengeratkan tali persahabatan dan persaudaraan antara orang-orang Thai, perayaan-perayaan yang sering kali diadakan di wat juga merupakan satu cara bagaimana orang-orang Thai boleh menghiburkan diri mereka. Ini adalah kerana orang-orang Thai jarang sekali keluar untuk menziarahi atau membuat lawatan ke tempat-tempat lain disebabkan oleh kesuntukan masa dan kekurangan wang. Dengan perayaan-perayaan seperti sambutan Tahun Baru (Pi Mai) Loy Krathong, Songkran dan sebagainya lagi membolehkan orang-orang Thai bergembira sambil merihatkan diri. Cara ini juga membolehkan mereka berhibur, berborak dan berbual-bual dengan rakan-rakan mereka. Perayaan-perayaan yang dirayakan di wat biasanya akan disertai dengan permainan-permainan seperti pertandingan bola sepak, pertandingan bola jaring, lumba

lari, mencari barang yang tersembunyi dan lain-lain permainan lagi bagi pemuda-pemudi dan bagi orang-orang tua pula terdapat beberapa acara lain seperti pertandingan 'kukur' kelapa dan menyepit biji guli dengan menggunakan kayu penyepit. Perayaan-perayaan yang menghiburkan begini biasanya disertai dengan nyanyian dan tarian daripada kugiran-kugiran samada oleh penduduk tempatan sendiri ataupun disewa khas dari luar kawasan itu. Oleh itu secara tidak langsung upacara-upacara dan perayaan-perayaan ini telah membolehkan orang-orang Thai merapatkan lagi hubungan mereka dan membolehkan mereka bersatu.

Memandangkan orang-orang Thai merupakan kelompok minoriti di Malaysia, maka orang-orang Thai seboleh-bolehnya ingin mengekalkan identiti Thai mereka yang biasanya dikaitkan dengan hal-hal keagamaan dan kebudayaan. Orang-orang Thai biasanya tidak banyak bersuara di dalam soal politik memandangkan mereka merupakan kumpulan yang kecil bilangannya. Di Simpang Empat, Baling setiap masalah akan diberitahu kepada Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang seterusnya akan mengemukakan hal ini kepada Pegawai Daerah untuk diselesaikan. Mereka juga dikehendaki mengisi borang "Sijil Simpanan Siam" untuk penukaran tanah kepada waris mereka. Sijil Simpanan Siam mengkehendaki waris yang akan mendapat tanah kemudiannya hendaklah merupakan orang Thai yang bekerja sebagai petani. Orang-orang Thai juga telah

diberi peluang untuk melabur di dalam Amanah Saham Nasional dan ini merupakan satu rahmat bagi mereka.

Orang-orang Thai di Simpang Empat bertutur di dalam bahasa Thai dan ini membezakan ia daripada kumpulan etnik lain yang ujud di sekeliling mereka. Malah bahasa Thai yang dipertuturkan di Simpang Empat, Baling dan juga di kawasan-kawasan lain di Kedah tidak sama dengan bahasa yang dipertuturkan di negeri Thai. Selain daripada itu, orang-orang Thai di Simpang Empat juga mempunyai keistimewaannya tersendiri di mana mereka boleh bertutur di dalam bahasa Cina dialek Hokkien. Sementara itu, mereka akan menggunakan bahasa Melayu loghat Kedah apabila berinteraksi dengan orang-orang Melayu.

Ilmu magik atau perbomohon masih lagi diamalkan di kalangan penduduk keturunan Thai. Ilmu magik yang digunakan adalah dipengaruhi oleh animisme dan sedikit agama Buddha. Selain daripada magik beberapa upacara lain contohnya "menurun" masih lagi dijalankan pada bulan-bulan tertentu dan menurun ini dikatakan diperturunkan dari generasi ke generasi yang mempunyai pertalian darah dan tidak semua orang yang akan diperturunkan ilmu itu.

Walau bagaimanapun identiti orang-orang Thai yang sering dikaitkan dengan agama Buddha dengan sedikit sebanyak telah

merosot dengan adanya perkahwinan campuran yang berlaku di antara orang-orang Thai dengan kumpulan etnik yang lain. Sebagai contoh, jika seseorang Thai berkahwin dengan orang Melayu secara otomatiknya beliau menjadi Islam. (Menurut undang-undang Islam bagi sesiapa yang bukan beragama Islam dan ingin berkahwin dengan orang Islam mestilah memeluk agama Islam terlebih dahulu dan mereka atau saudara baru ini boleh dikenali dengan berbin atau berbintikan Abdullah). Dengan itu ujud assimilasi identifikasi di mana anggota-anggota kumpulan minoriti tidak lagi mengenalkan diri mereka sebagai ahli kumpulan asanya tetapi sebagai masyarakat baru itu. Sementara itu bagi perkahwinan yang berlaku di antara orang-orang Cina dan India pula, orang-orang Thai masih dapat mengekalkan agama dan budaya mereka.

Dari bukti di atas nyatalah bahawa isu agama merupakan isu yang sensitif dan ia terlalu menekankan tentang soal-soal nilai dan kepercayaan. Oleh sebab itulah orang-orang yang mempunyai agama dan kepercayaan yang sama mempunyai hubungan yang lebih erat. Agama juga merupakan penghalang kepada integrasi yang lebih erat antara kumpulan etnik. Walau bagaimanapun setiap agama dan kepercayaan di dunia ini menekankan tentang soal hidup berbaik-baik dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Justeru itulah kumpulan etnik yang berbilang bangsa dan agama dapat hidup dengan harmoni dalam satu masyarakat.

Walaupun isu agama sering diperdebatkan terutamanya yang berkaitan dengan hal perkahwinan antara orang Thai yang beragama Buddha dengan orang Melayu yang beragama Islam, tetapi dari segi lain seperti aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi, orang-orang Thai masih tolong-menolong di antara satu sama lain. Ini bermakna bahawa perbezaan agama dan kepercayaan tidak menghalang etnik yang berbeza mengambil bahagian dalam aktiviti masyarakat dan bergaul sesama mereka. Konflik agama tidak pernah berlaku di Kampung Simpang Empat, Baling Kedah.

Tiap-tiap kumpulan etnik mempunyai adat-istiadat yang tersendiri yang mempunyai kelainannya di antara satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain. Walau bagaimanapun terdapat setengah-setengah adat yang berbeza dari segi agama tetapi mempunyai sedikit persamaan dari upacara sosial. Contohnya dalam perkahwinan, bersanding selaih daripada dilakukan oleh orang-orang Melayu ianya juga dilakukan oleh orang-orang Thai. Selain daripada itu majlis perkahwinan orang-orang Thai di Simpang Empat yang disertai dengan tarian lilin ram thian pada sebelah malam silat pedang ram dap pada sebelah malam juga menunjukkan bahawa terdapatnya unsur-unsur "penyesuaian" antara adat Orang Melayu dan orang Thai di mana silat yang dipersembahkan mempunyai banyak persamaan dengan silat orang Melayu. Ini secara tidak langsung

menunjukkan bahawa walaupun orang-orang Thai mempunyai identitinya tersendiri di dalam beberapa hal kebudayaan. (Contohnya di dalam upacara perkahwinan), tetapi sedikit sebanyak ianya telah diresapi oleh adat dan kebudayaan kumpulan etnik yang lain. Ini menunjukkan berlaku pertembungan kebudayaan antara orang-orang Thai dengan orang-orang Melayu.

Memandangkan terdapat beberapa orang-orang Thai dari Simpang Empat yang telah keluar bekerja dan menetap di bandar-bandar besar dengan menjawat jawatan yang baik, maka kedudukan orang-orang Thai sebagai minoriti di Malaysia bolehlah dikatakan agak memuaskan. Ini adalah kerana kerajaan telah memberi peluang kepada orang Thai untuk terus memajukan diri mereka terutamanya di bidang pelajaran. Contohnya seorang pelajar dari Alor Setar Kedah yang ibu bapanya berasal dari Simpang Empat telah berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di United Kingdom dengan bantuan kerajaan. Selain daripada dalam bidang pelajaran, orang-orang Thai juga telah diberi bantuan baja dan subsidi untuk menjalankan aktiviti pertanian mereka. Walau bagaimanapun, orang-orang Thai masih menghadapi dilema seperti yang dikatakan oleh Roger Kershaw, orang-orang Thai di Malaysia merupakan penduduk peribumi tapi bukanlah Bumiputera.

Walaupun ramai orang-orang Thai yang telah keluar tinggal di bandar besar, ada juga di antara mereka yang tidak dapat menguasai bahasa Thai dengan baik. Ini adalah kerana di bandar-bandar besar tidak terdapat orang-orang Thai yang boleh menjadi sahabat mereka untuk diajak berbual dalam bahasa Thai. Oleh itu anak-anak kepada orang yang tinggal di bandar-bandar besar ini akan bercakap samada Melayu, Cina atau Inggeris dan penggunaan bahasa Thai adalah di tahap paling rendah sekali. Biasanya mereka ini akan bertutur dalam bahasa Thai bercampur dengan bahasa Melayu, Cina atau Inggeris bergantung kepada ibu bapa mereka. Contohnya terdapat anak-anak sebuah keluarga Thai yang berasal dari Simpang Empat dan sudah berpuluh tahun menetap di Kuala Lumpur tidak dapat bercakap bahasa Thai disebabkan oleh mereka tidak berpeluang untuk menggunakan bahasa Thai. Ini adalah kerana, mereka ditinggalkan kepada penjaga mereka yang terdiri daripada orang Melayu sementara ibu bapa mereka pergi bekerja dan di sekolah pula mereka bergaul dengan rakan-rakan yang terdiri daripada kumpulan etnik yang lain. Oleh kerana mereka tidak biasa menggunakan bahasa Thai, maka mereka menggunakan bahasa Melayu dengan ibu bapa mereka walaupun ibu bapa mereka bercakap di dalam bahasa Thai. Keadaan ini lebih teruk lagi sekiranya berlau perkahwinan campur antara orang Thai dengan kumpulan etnik lain dan menetap di bandar.

Adat dan pantang larang masih lagi dikekalkan oleh golongan tua tetapi bagi golongan muda mereka tidak begitu mengambil berat akan hal ini. Kepercayaan dan keagamaan yang menjadi aspek penting identiti orang Thai masih dapat dipertahankan hingga kini. Oleh itu generasi muda dan generasi akan datang haruslah mengekalkan dan mempertahankan agama, kebudayaan dan bahasa yang menjadi identiti kepada orang-orang Thai.

Dari segi hubungan seosial, jika diperhatikan dari segi institusi kekeluargaan dan penyebaran tempat tinggal maka didapati ada kecenderungan berkelompok dan integrasi yang lebih rapat di dalam satu kumpulan etnik yang sama. Ini dapat dilihat dari taburan penduduk di Simpang Empat, Baling di mana kumpulan etnik yang sama cenderung untuk tinggal di dalam kelompoknya sendiri. Walau bagaimanapun pengelompokan ini tidaklah begitu ketat sehingga tidak menunjukkan sebarang perhubungan antara etnik berlaku. Ini adalah kerana hubungan sosial boleh berlaku di tempat-tempat yang lain seperti semasa berjual beli di kedai, di sekolah, di kilang, pejabat, hospital dan sebagainya lagi.

Walaupun mereka tinggal di dalam kelompok masing-masing, mereka masih menziarahi antara satu sama lain terutamanya ketika perayaan-perayaan dan kenduri-kendara. Contohnya, apabila Hari Raya, pelajar-pelajar Thai akan menziarahi rumah

sahabat mereka yang berketurunan Melayu. Begitu juga dengan orang Melayu, mereka akan datang ke rumah orang Thai apabila terdapatnya kenduri. Semasa kenduri pula, orang-orang Thai akan mengupah orang-orang Melayu untuk memasak dan menyediakan makanan. Ini adalah kerana terdapatnya persamaan saling hormat-menghormati antara mereka. Orang-orang Thai menghormati orang-orang Melayu yang beragama Islam yang melarang mereka memakan daging babi. Disebabkan oleh kesedaran mereka tentang hal ini, maka orang-orang Thai telah mengupah orang-orang Melayu untuk memasak. Begitu juga dengan orang Melayu, sekiranya orang-orang Thai mengadakan perayaan di wat dan kadang kala terdapat bunyi bising daripada muzik dan lagu yang dinyanyikan, orang-orang Melayu tidak pernah pula bersungut tentang hal itu.

Bagi orang-orang Cina dan India pula, masalah agama tidak ujud kerana kebanyakan daripada orang-orang Cina yang tinggal di situ beragama Buddha dan orang India beragama Hindu. Mereka juga turut bersama-sama dengan orang-orang Thai dalam setiap perayaan yang diadakan. Dengan adanya perayaan di wat, hubungan sosial ujud di antara orang-orang Thai dengan orang-orang Cina dan India dan daripada situ juga orang-orang Cina dan India dapat mengetahui adat orang-orang India yang diamalkan semasa sesuatu perayaan dilaksanakan. Selain daripada itu orang-orang Cina dan India dapat membuat kebaikan Tham bun di wat dengan melakukan amal ibadat serta

membuat serta membuat pendermaan sama seperti yang orang-orang Thai lakukan.

Orang-orang Thai juga mempunyai hubungan dengan orang asli dan hubungan yang ujud di antara mereka hanyalah sepintas lalu sahaja iaitu di Wat Simpang Empat ketika sambutan perayaan Ching Pret.

Selain daripada itu, institusi sekolah merupakan tempat yang penting bagi mengujudkan hubungan sosial di antara pelajar-pelajar yang terdiri daripada berbagai kumpulan etnik. Dengan itu pelajar-pelajar Thai yang tinggal di kampung Simpang Empat dapat menguasai bahasa Malaysia dengan baik melalui interaksi mereka dengan pelajar-pelajar Melayu. Ini adalah kerana orang-orang Thai yang tinggal di Kampung Simpang Empat tidak menggunakan Bahasa Malaysia kecuali beberapa perkataan yang dicampur-adukkan seperti kopi, jam dan lain-lain perkataan lagi. Sementara itu, dengan pelajar-pelajar yang berketurunan Cina pula terdapat beberapa orang pelajar-pelajar Thai akan menggunakan bahasa Cina dialek Hokkien apabila berinteraksi dengan mereka.

Melalui penggunaan bahasa Thai yang dicampuradukkan dengan bahasa Melayu menunjukkan bahawa ujudnya satu bentuk akulturasi bahasa di antara orang-orang Thai dengan orang-orang Melayu. Ini secara tidak langsung telah menampakkan

satu bentuk penyesuaian di antara golongan 'minoriti' dengan golongan yang 'dominant'. Kain batik yang diguna oleh wanita Thai dan kain pelikat yang diguna oleh lelaki Thai juga merupakan satu bukti yang menunjukkan wujudnya akulturasi kebudayaan di negara ini.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa orang-orang Thai mempunyai identitinya yang tersendiri dan membezakan mereka daripada kumpulan etnik yang lain. Orang-orang Thai juga merupakan kelompok yang sentiasa mewujudkan hubungan sosial dengan penduduk di sekeliling mereka walaupun orang-orang Thai ini tinggal di dalam kelompoknya sendiri. Hal-hal yang berkaitan dengan adat dan agama boleh dijadikan sebagai satu bukti yang menunjukkan berlakunya akulturasi di antara orang-orang Thai dengan orang-orang Melayu.

Billik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

BIBLIOGRAFI

1. Ahmad Mahzan Ayob
1983

Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
2. Chamhuri Siwar
1972-73

Hubungan Etnik Di Kampung Meru (Ethnic Relations in Kampung Meru). Jurnal Antropologi dan Sosiologi, No. 2 : 45-61.
3. Clammer, J.R.
1975

Overseas Chinese Assimilation and Resinification : A Malaysian Case Study. Southeast Asian Journal of Social Science. 5 (2) : 9-23.
4. Golomb, Louis
1978

Brokers of Morality : Thai Ethnic Adaptation In a Rural Malaysian Setting. Honolulu : The University Press of Hawaii.
5. Gosling, L.A.P
1964

"Migration and Assimilation of Rural Chinese in Terengganu", Dalam Malayan and Indonesian Studies : Essay Presented to Sir Richard Winstedt On His Eighty-Fifth Birthday (eds.), John Bastin and R. Roolvink, Oxford University, London.
6. Husin Ali, Syed, ed.
1981

Ethnicity, Class and Development (Kaum, Kelas dan Pembangunan) Kuala Lumpur : Persatuan Sains Sosial Malaysia.
7. Kershaw, Roger
1984

Native But Not Bumiputera : Complexity In The Political Status of The Kelantan Thai After Independence. In Ethnicity and Local Politics in Malaysia : Six Case Studies, ed., Tan Chee Beng, pp. 46-71. Issues and Contribution to Southeast Asian Ethnography, No. 3.

8. 1982 A Little Drama of Ethnicity : Some Sociological Aspects of the Kelantan Manora. Southeast Asian Journal of Social Science, (1) : 231-253.
9. 1974 Towards A Theory of Peranakan Chinese Identity in an Outpost of Thai Buddhism. Southeast Asian Journal of Social Science. No. (1) pp. 74-106.
10. Keynes, Charles F. 1977 The Golden Peninsular Culture and Adaptation in Mainland Southeast Asia. Department of Antropology University of Washington, Seattle Macmillan Publishing Co., Inc. New York.
11. Kobkua Suwannathat-Pian 1986 The 1839-41 Settlement of Kedah : The Siamese Compromise. Journal of The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. 59 (Part 1) : 33-48.
12. Moerman, Michael 1985 Ethnic Identification : Who Are the Lue? American Antropologist 76 (5) : 215-1230.
13. Mohamad Aris Haji Othman 1985 Identiti Etnik Melayu. Petaling Jaya, Fajar Bakti.
14. Mohamad Marzuki Ahmad 1980 Komuniti Siam Di Perlis Utara : Integrasi dan Transformasi, Perlis. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Selangor.
15. Mohamad Yusoff Ismail 1987 Buddhism and Ethnicity : The Case of Siamese in Kelantan. Sojourn 2(2) : 231-255.
16. Nagata, Judith 1974 What is a Malay? Situational Selection of Ethnic Identity in a Plural Society. American Ethnologist 1(2) : 331-350.

17. Rasadhan, Anuman
1961 Life and Ritual in Old Siam, Three Studies of Thai Life and Custom, Araf Press New Haven.
18. 1968 Five Papers on Thai Customs. Southeast Asia Programme, Department of Far Eastern Studies, Cornell University, Ithaca, New York.
19. Rabibhadana, Akin
1969 The Organization of Thai Society In The Early Bangkok Period 1782-1873, Cornell Thailand Project Interim Report Series.
20. Rex, John
1970 Race Relations in Sociological Theory. London and Nicolen. No. 12, Ithaca, Cornell University.
21. Sanusi Osman
1972 Hubungan Etnik Di Mukim Labu, M.A. Tesis, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
22. Tan Chee Beng
1981 Acculturation, Assimilation and Integration : The Case of The Chinese in Syed Husin Ali ed. Kaum, Kelas dan Pembangunan, Kuala Lumpur : Persatuan Sains Sosial Malaysia.
23. 1982 Research Experience Among Chinese Malaysians, Manusia dan Masyarakat. No. 3 : 6-19.
24. 1984 (ed.) Ethnicity and Local Politics in Malaysia. Published on Contribution to Southeast Asia Ethnography, No. 3.
25. 1988 The Baba of Melaka : Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community In Malaysia. Petaling Jaya : Pelanduk Publications.

26. Nation Building and Being Chinese in a Southeast Asian State : Malaysia. In Changing Identities of the Southeast Asia Chinese Since World War II ed. Jennifer Cushman and Wang Gungwu, pp. 140-164. Hong Kong : Hong Kong University Press.
27. Thailand in Brief
1982
Foreign News Division, Public Relations Department Office of the Prime Minister.
28. Virat Din Rat
1975/76
Integrasi dan Assimilasi di kalangan masyarakat berketurunan Thai di Kedah. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
29. Winzeler, Robert
1974
Ethnic Complexity and Ethnic Relations in an East Coast Malay Town. Southeast Asian Journal of Social Science, 2 (1-2) : 45-61.
30. Young, Ernest
1932
The Kingdom of the Yellow Robe, Being Sketches of the Domestic and Religious Rites and Ceremonies of the Siamese. Oxford University Press.
31. Jabatan Perangkaan Malaysia, Ranci Penduduk dan Perumahan, Kuala Lumpur, 1980.
32. Mingguan Malaysia, Ahad 17 Jun 1990.
1982

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya